



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

Jilid III

Bil. 24

Hari Rabu

29hb Disember, 1993

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993	(Ruangan 38)
Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1993	(Ruangan 77)
Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1993	(Ruangan 87)
Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1993	(Ruangan 111)
Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 1993	(Ruangan 117)
Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1993	(Ruangan 118)
Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1993	(Ruangan 121)
Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1993	(Ruangan 123)

DN.29.12.93

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 29hb Disember, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua menpengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

DADAH - LANGKAH PENCEGAHAN

1. Tuan Baji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa penagihan dadah sentiasa berleluasa walaupun Kerajaan membuat berbagai-bagai cara atau program untuk mencegahnya, adakah cara-cara lain yang lebih positif yang boleh mencegah penagih dadah secara lebih berkesan. Sebutkan berapa ramaikah penagih-penagih dadah mengikut bangsa yang telah dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan dan seramai manakah pula yang pulih atau menjadi insan yang sempurna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sejak tahun 1983 telah mengisytiharkan dadah sebagai masalah yang mengancam keselamatan negara. Justeru itu, pendekatan yang diamalkan untuk menangani masalah tersebut adalah berbentuk pelbagai bidang, bersepadu dan melibatkan pelbagai agensi Kerajaan.

Langkah jangka masa pendek yang digunakan adalah berbentuk penguatkuasaan. Langkah-langkah yang diambil melalui pendekatan ini ialah untuk mengetatkan undang-undang dadah yang sedia ada, dan menguatkuasakannya. Masyarakat juga didedahkan kepada bahaya penggunaan dan penagihan dadah sama ada ke atas individu, keluarga, masyarakat setempat dan negara.

Langkah-langkah jangka masa panjang yang . kini diberikan keutamaan sebagai strategi pencegahan dadah ialah pencegahan awalan. Strategi ini dilaksanakan melalui tiga bidang tindakan seperti berikut:—

- (i) pendidikan pencegahan di sekolah;
- (ii) penerangan; dan
- (iii) penglibatan masyarakat.

Murid-murid sekolah didedahkan kepada unsur-unsur bahaya dadah serta langkah-langkah mencegah dari dipengaruhi menggunakannya. Unsur-unsur ini diserapkan ke dalam kurikulum, ko-kurikulum dan kurikulum pendidikan guru. Murid-murid diberi tahu mengenai kecergasan melalui penglibatan dalam aktiviti sihat seperti sukan, berpersatuan dan sebagainya.

Satu lagi bidang baru yang diberikan keutamaan ialah penglibatan masyarakat secara terus dalam usaha pencegahan dadah. Penggunaan dadah adalah satu masalah yang berlaku dalam masyarakat dan masyarakat setempat sedar dan tahu penglibatan orang tempatan dalam kegiatan itu. Beberapa siri program latihan telah dan sedang diatur untuk melatih penduduk setempat menangani masalah ini.

Kerajaan juga sedang meneliti beberapa rancangan lain .untuk mengemaskan lagi usaha-usaha pencegahan dadah dalam masyarakat dan akan dilaksanakan mengikut keperluan semasa.

Penagih dadah yang telah dimasukkan ke Pusat Pemulihan semenjak tahun 1975 hingga September 1993 adalah seramai 50,127 penagih. Rekod pecahan mengikut bangsa tidak ada dalam simpanan Kerajaan.

Dari kes tutup yang telah dikajiselidik iaitu seramai 13,472 kes sejak tahun 1983 hingga Jun 1993 yang pulih atau menjadi insan yang sempurna adalah seramai 4,420 orang.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya saya ingin hendak mengucapkan terima kasih atas jawapan yang diberi secara meluas. Tetapi oleh sebab dadah ini adalah satu masalah pada masa kini, walaupun usaha-usaha telah dibuat saya dapati bahawa dalam bandar-bandar tertentu tertubuhnya jawatankuasa-jawatankuasa kaunseling dan sebagainya yang diberi tugas dengan tidak memberi apa-apa ganjaran. Jadi soalannya sama ada Kementerian sudah menganggap ini satu perkara yang penting dan mustahak dan melibatkan jawatankuasa-jawatankuasa secara sukarelawan ini diberi sesuatu ganjaran untuk menentukan supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan lebih sempurna.

Yang keduanya, apakah Kementerian setuju bahawa walaupun angka-angka yang ada sekarang ini pada keseluruhannya sebanyak beberapa ratus ribu orang, tetapi angka yang sebenar terlibat adalah berlipat kali ganda?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar Kerajaan sangat-sangat mengharapkan penglibatan masyarakat umum terutamanya masyarakat setempat di mana ada pusat-pusat jagaan lanjutan dan kursus-kursus kaunseling dijalankan untuk membantu menjayakan usaha Kerajaan dalam pemulihan dan rawatan dadah ini. Apa yang Kerajaan fikir lebih tepat ialah dari segi memberi penerangan untuk membawa kesedaran masyarakat supaya masyarakat umum faham bahawa ini merupakan satu masalah negara kita yang mana ianya mungkin satu hari akan mengancam keluarga kita atau saudara-mara kita. Saya rasa dengan cara membawa kesedaran itu adalah lebih tepat daripada memberi ganjaran. Kalau hendak beri ganjaran, ia akan menambah lebih banyak beban dari segi perbelanjaan ataupun tanggungan kewangan.

Untuk tujuan ke arah itulah Kerajaan, terutamanya Kementerian Dalam Negeri melalui badan-badan sukarela yang lain cuba menyeru kepada mereka yang belum melibatkan diri supaya secara sukarela dalam apa bentuk pun melibatkan diri dalam semua kegiatan untuk membantu penagih-penagih kembali ke pangkuan masyarakat.

Untuk soalan yang kedua, itulah angka yang sebenarnya. Buat masa ini Kerajaan pegang kepada angka yang dapat kita kesan, itu adalah batu angka yang lebih tepat. Kalau hendak teka berapa lagi angka tak rasmi itu ada banyak intepretasi, terpulang kepada individu-individu. Kalau untuk setakat ini, Kementerian lebih berpegang kepada apa-apa angka yang dikesani. Kita tidak mahu .teka sangat dengan darab tiga kali atau lima kali, sebab kalau sekiranya kiraan itu salah ataupun terlalu hebohkan, dia akan mendatangkan imej negatif kepada negara ini, seolah-olah negara ini penuh dengan penagih dadah, pada hal bukan. Sebab trend sekarang ini penagih baru, bilangannya sudah menurun. Saya rasa itu adalah satu kesan efektif dari segi pencegahan dan terpulang kepada badan-badan sukarela untuk memberikan anggaran sendiri dan Kerajaan pegang kepada semua jumlah yang ada dalam rekod kita.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, satu cara saya tengok macam mana hendak mencegah bahaya dadah ialah dengan iklan dalam televisyen. Saya ingin bertanya, kalau badan sukarela mengeluarkan ,iklan dalam televisyen, apakah mereka ini dikenakan bayaran, seperti syarikat-syarikat lain? Kalau mereka ini

dikenakan, apakah Kementerian tidak fikirkan untuk berunding dengan Kementerian Penerangan supaya tidak diperlukan membayar bayaran terhadap pengiklanan dalam televisyen?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang itu adalah satu cadangan yang baik dan oleh sebab itu adalah di dalam bidang kuasa Kementerian Penerangan, saya rasa Kementerian saya sedia untuk mengemukakan cadangan ini. Walau bagaimanapun, setahu saya, pada masa kini Kerajaan memang ada usaha-usaha untuk memujuk ataupun menggalakkan terutamanya badan-badan swasta ataupun syarikat-syarikat yang sudah buat banyak untung supaya adakan sedikit sumbangan berbakti kepada masyarakat dari segi derma atau tajaan untuk melakukan sesuatu kegiatan pencegahan dadah. Dari segi Televisyen Malaysia, saya yakin Kementerian Penerangan juga sama ambil berat, cuma bentuk dan caranya kita kena bincang dari semasa ke semasa.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya amat berterima kasih di atas usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi angkara penagih-penagih dadah. Walau macam manapun, kita masih hairan sebilangan 4,000 orang sahaja yang dapat dipulihkan dengan cara total. Saya ingin mengemukakan tiga soalan. Pertama sekali, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian, apakah kurikulum yang disediakan di pusat-pusat latihan?

Di samping itu, adakah pendatang-pendatang asing juga terlibat dan di manakah pendatang-pendatang asing ini diletakkan atau di pusat manakah mereka ini diletakkan?

Bersampingan dengan itu, sedikit penjelasan, sama ada pada angka 50,000 ini terdiri juga daripada golongan wanita. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi pusat-pusat pemulihan kepada golongan lelaki? Dan adakah kemungkinan pusat latihan khusus kepada wanita didirikan oleh pihak Kerajaan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, program rawatan dan pemulihan yang diberikan di pusat-pusat serenti adalah terbahagi kepada tiga kategori, iaitu fizikal, mental dan spiritual. Dari segi fizikal, ia termasuk detoksifikasi pemeriksaan kesihatan, latihan jasmani, sukan, merentas desa, gotong-royong, kawad dan sebagainya. Yang mental itu ada kaitan dengan disiplin ala-tentera, kaunseling, sivik, tatanegara, pendidikan akademik, kemahiran vokasional, pertemuan keluarga, aktiviti tahunan seperti Majlis Pertandingan Al-Quran/Nasyid, bolasepak, pusat cantik, talentime, latihan bekerja dan sebagainya. Untuk spiritual, bagi yang beragama Islam bersama pengetahuannya, amalan dan penghayatannya dan bagi agama selain daripada Islam juga diberi pendidikan moral. Itu secara ringkasnya kurikulum ataupun cara pemulihan diadakan.

Pusat-pusat serenti ini adalah dikhaskan untuk rakyat kita. Ia tidak digunakan untuk orang asing. Memang Akta. Imigresen ataupun undang-undang kita tidak benarkan warganegara asing yang menagih dadah itu berada di negara ini. Mereka dianggap sebagai satu golongan yang tidak diingini. Kalau dia masuk. secara tidak **sah**, mereka akan diusir ataupun akan didakwa kalau ada lakukan kesalahan. Jadi, takkan warganegara kita, sudah kekurangan terapat dalam pusat serenti, kita hendak tanggung lagi orang asing. Jadi, itu bukan menjadi satu masalah sekarang.

DN.29.12.93

Memang Kerajaan sentiasa berusaha untuk menambah bilangan pusat serenti dan pusat jagaan lanjutan, sama ada untuk kaum wanita atau lelaki. Ini adalah satu usaha sedang dijalankan. Kita sedar bahawa muatan di semua pusat serenti itu adalah tidak mencukupi. Di samping itu, Kerajaan juga menjalankan kaunseling dan rawatan di luar pusat-pusat untuk mereka yang dikira bukan 'hard-core addict' dan mereka masih boleh dirawat oleh keluarganya sendiri. Setakat itu saya dapat jelaskan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah negara-negara lain mengadakan pusat pemulihan seperti negara kita untuk membela dan membaiki penagih dadah? Jika tidak, kenapa Kerajaan kita sahaja yang membuatnya? Sepanjang kita mendengar tadi begitu banyak belanja dan aktiviti yang dibuat, tetapi penagih dadah yang keluar daripada pusat pemulihan ini tetap juga menagih dadah semula. Apa salahnya kalau kita diamkan dia mati? [Ketawa] Apabila kita tak-bela, orang-orang yang hisap dadah ini cepat mati, masyarakat nampak hisap dadah, mati. Orang takut! Tetapi bila hisap dadah, bawa dalam pusat serenti, dia gemuk, sihat, dapat raakan, dapat belajar agama dan lain-lain, lepas itu keluar dia hisap dadah balik, masuk lagi sekali. Jadi, saya fikir lebih baik supaya kerja kita tak membazir, kita jangan buat pusat serenti, kemudian kita diamkan dia mati. Adakah Kerajaan bersetuju? [Ketawa]

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-pertua, Kerajaan Malaysia ini saya rasa sudah terkemuka dengan sikap penyayang. Kita sentiasa menjaga kepentingan dan menyayangi setiap rakyat warganegara kita.

Sikap Kerajaan terhadap penagih dadah ini kita anggap dia sebagai satu pesakit yang perlukan rawatan, perlukan jagaan. Tetapi sikap Kerajaan terhadap pengedar dadah, itu lain. Pengedar dadah itu sepatutnya dihukum seberat-beratnya, kalau dapat bukti cukup, gantung mati. Itu adalah satu pendirian yang jelas. Kalau sekiranya kita biar sahaja penagih ini diam, mati; yang pertama, itu bercanggah dengan sikap penyayang. Yang kedua, diam pun mereka tak mati. Kalau diam, mereka merebakkan penagihan itu kepada saudara-mara atau rakan, merebak lagi banyak. Elok kita jaga mereka baik-baik, beri kaunseling, supaya seramai mana dia boleh kerabali ke pangkuan. Itu adalah satu cara supaya bilangan mereka itu tidak bercambah begitu memeranjatkan. Dengan usaha-usaha itulah bilangan penagih baru itu sudah menurun - saya sudah terangkan tadi,

Untuk negara-negara yang - lain, ada cara rawatan : dan pemulihannya. Tetapi cara Malaysia telah pun terkenal sebagai salah satu cara yang paling baik. Ada ramai pakar-pakar ataupun pengunjung-pengunjung, wakil-wakil Kerajaan luar negeri datang, selepas dia melawat ke pusat-pusat latihan kita dan sudah faham program kita, mereka telah buat komen mengatakan Malaysia salah satu negara yang mempunyai cara rawatan yang paling baik di dunia ini. Saya rasa itu adalah sesuatu yang kita bangga, tetapi kita haruslah sama-sama berusaha lagi, bukan sahaja Kerajaan tetapi masyarakat umum juga mesti terlibat.

PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP DI SEKOLAH MENENGAH - PELAKSANAAN

2. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan bahawa pelajaran Kemahiran Hidup adalah satu pelajaran yang baru yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah dan langkah ini adalah langkah yang baik dan positif ke arah menrealisasikan objektif Wawasan 2020, sama ada:

- (a) guru-guru kita sudah bersedia dari segi latihan untuk mengajar pelajaran ini;
- (b) tempoh latihan atau kursus yang diberikan untuk guru-guru ini sudah mencukupi; dan
- (c) kemudahan asas seperti peralatan dan bilik darjah mencukupi di sekolah-sekolah kita.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu untuk-melatih guru-guru mata pelajaran Kemahiran Hidup telah dimulakan sejak tahun 1990. Dalam kursus ini, pelatih-pelatih didedahkan dengan segala aspek teori dan amali mata pelajaran berkenaan. Dengan pendedahan sedemikian pelatih-pelatih adalah bersedia untuk mengajar mata pelajaran ini.
- (b) Tempoh kursus selama 5 semester bagi guru-guru pelatih yang mengikuti Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu adalah

mencukupi untuk melahirkan guru-guru yang berkebolehan dan berkemahiran untuk mengajar mata pelajaran tersebut.

- (c) Kemudahan-kemudahan asas seperti peralatan dan bilik darjah untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah-sekolah kita adalah mencukupi.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati dalam Kursus Kemahiran Hidup adanya apa yang disifatkan sebagai 'sexual stereotyping'. Maksud saya ialah murid-murid perempuan umpamanya dihadkan mengambil kursus "cookery", dengan izin, sementara murid-murid lelaki dibenarkan atau digalakkan mengambil kursus "Woodwork" dan corak ini juga berlaku di pusat-pusat latihan guru. Dan dengan adanya ciri sedemikian rupa, mobiliti, khasnya murid-murid dan pelajar perempuan yang menyertai kursus-kursus vokasional dan teknikal kemudiannya adalah terbatas. Jadi, saya ingin tahu adakah Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan untuk menghentikan amalan 'sexual stereotyping' ini dalam penawaran kursus berkait dengan mata pelajaran Kemahiran Hidup?

Datuk Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan langsung tidak mengasingkan atau menghadkan Kursus-kursus Kemahiran Hidup mengikut sama ada beliau pelajar lelaki atau perempuan. Sebagai contohnya, di dalam sekolah-sekolah kita memang menggalakkan pelajar-pelajar lelaki untuk mengikut kursus seperti cookery, dengan izin, kerana kebanyakan "chef-chef" di hotel-hotel

adalah lelaki dan mereka mendapat gaji yang tinggi. Juga kita menggalakkan pelajar-pelajar perempuan mengikut kursus-kursus seperti Elektronik dan sebagainya, kerana didapati bahawa mereka adalah lebih, dengan izin, delicate and patient untuk memperbaiki peralatan-peralatan khususnya peralatan-peralatan elektronik, Memang kita tidak menghadkan, dan saya haraplah kalau Ahli Yang Berhormat ada bukti-bukti, sila beritahu Kementerian dan kita akan menerangkan dengan lebih jelas lagi kepada pihak-pihak yang berkenaan.

BUDAYA LEPAK DI KALANGAN BELIA - LANGKAH MENGATASI

3. **Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan pencapaian yang sedang dan telah dibuat oleh Kerajaan bagi memastikan budaya lepak di kalangan belia dapat diatasi. Sejauh manakah kajian terperinci yang telah dibuat dan apakah program pelaksanaannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah budaya lepak, Kerajaan telah dan sedang mengambil berbagai langkah untuk mengatasinya, di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) menubuhkan pusat komunikasi belia di bandar-bandar besar;
- (ii) mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti rekreasi seperti pengembaraan, perkhemahan dan kecergasan di samping program-program yang telah sedia ada seperti kepimpinan, kemahiran dan keusahawanan yang melibatkan lebih ramai lagi belia.

Adalah terlalu awal untuk menyatakan hasil dan pencapaiannya kerana aktiviti ini baru sahaja dikendalikan.

Satu kajian awal mengenai budaya lepak yang dilakukan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia baru sahaja disiapkan dan sekarang ini satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian Belia dan Sukan sedang meneliti dan mendalami hasil kajian ini, dan ianya rakan diumumkan, program pelaksanaannya apabila selesai kelak.

Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin: Soalan tambahan. Apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa penumpuan untuk menghapuskan budaya lepak ini hanya bertumpu kepada pusat-pusat bandar besar, sedangkan sekarang ini budaya ini telah begitu meluas sehingga ke bandar-bandar kecil di seluruh negara. Persoalannya, apakah peranan yang dimainkan oleh Jabatan Belia di Peringkat Daerah-daerah dan Negeri-negeri di seluruh negara pada hari ini?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, memang benar masalah perbuatan belia melepak ini ataupun kita gunakan terminologi baru iaitu 'generasi kiambang', juga ada di bandar-bandar kecil dan di kampung-kampung. Sebab itulah, Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian Belia dan Sukan telah pun membuat keputusan, membuat kajian yang lebih meluas lagi, yang melibatkan ,bukan sahaja bandar-bandar besar, tetapi juga bandar-bandar kecil dan juga kampung-kampung.

Dari segi program pelaksanaannya, kita pun merasakan tugas ini bukanlah semata-mata terletak pada Kementerian. Belia dan Sukan sahaja, tetapi terletak kepada Kementerian-kementerian lain termasuk juga pihak-pihak yang lain, misalnya institusi keluarga itu sendiri, institusi pendidikan dan juga badan-badan sukarela yang lain. Jadi, tenaga mereka ini perlu kita gembelngkan untuk mengatasi masalah ini.

**TRAGEDI TANGKI AIR PECAH DI FLAT BUKIT CAGAR, JOHOR BAHRU -
PUNCA KEJADIAN**

4. Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah punca sebenar kejadian tangki air pecah di Flat Bukit Cagar, Johor Bahru, Johor;
- (b) apakah tindakan Kerajaan dalam memastikan tragedi tersebut tidak berulang lagi; dan
- (c) apakah Kerajaan bercadang menggubal satu peraturan yang mewajibkan setiap tangki air yang memberi kemudahan bekalan air bagi sesuatu kawasan dibaik-pulih atau diselaraskan kualitinya mengikut satu jangka masa tertentu bergantung kepada saiz dan beban tangki air tersebut.

30.12.93

11. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian akan mengambil tindakan mengenai rumah-rumah pangsa lain yang tangki airnya terletak di atas bumbung, di seluruh negara supaya tragedi seperti yang berlaku di rumah pangsa Bukit Cagar, Johor Bahru pada 19.11.1993 tidak berulang lagi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Eerhormat Senator Tuan Haji Zainal bin Md. Deros yang dijadualkan pada 30hb Disember, 1993.

Tuan Yang di-Pertua, tarikh berlakunya tragedi tangki air pecah di Blok C, Flat Bukit Cagar ialah pada 19hb November, 1993. Tangki air ini diselenggarakan oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Selepas berlakunya tragedi ini, Kerajaan Negeri Johor telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyiasat untuk menyiasat kes ini. Jawatankuasa tersebut belum menghantar apa-apa laporan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sehingga kini.

Untuk memastikan bekalan air yang mencukupi, adalah satu keperluan dan amalan tangki-tangki air diletakkan di atas bumbung bangunan tinggi. Orang-orang yang berkecukupan hendaklah memastikan ianya dibina mengikut keperluan-keperluan kejuruteraan.

Walau bagaimanapun, setelah satu-satu bangunan ataupun rumah pangsa itu siap, adalah menjadi tanggungjawab tuan punya bangunan ataupun rumah pangsa berkenaan, yang dalam hal ini ialah Kerajaan Negeri Johor, untuk memastikan penyelenggaraan berjadual dibuat ke atas sistem bekalan air termasuk tangki air di bumbung-bumbung. Ini adalah perlu untuk sistem bekalan air dapat berjalan dengan baik dan juga dapat mengesan dan membaiki serta-merta sebarang kerosakan yang mungkin berlaku sebelum ianya menjadi lebih buruk.

Sekiranya penyelenggaraan dibuat dengan teliti, kejadian seperti ini tidak harus berlaku. Oleh itu, Kementerian ini akan terus menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri yang memiliki bangunan seperti ini lebih prihatin dan menentukan orang-orang yang

berkelayakan sahaja melakukan kerja pengawasan dan penyelenggaraannya.

Peraturan-peraturan yang sedia ada mengenai tanggungjawab penyelenggaraan adalah mencukupi asalkan ianya dipatuhi sepenuhnya. Tanggungjawab inilah yang mesti diperingatkan kepada semua tuan-tuan punya bangunan supaya tragedi seperti ini tidak berulang lagi.

Untuk makluman Dewan ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak ada memiliki rumah pangsa awam.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, daripada penjelasan tadi, kita dapati bahawa memanglah perkara yang belaku ini adalah satu kecuaiian sama ada di peringkat Kementerian Perumahan ataupun pegawai-pegawai yang terlibat.

Soalannya, saya hendak tanya sama ada Kementerian telah pun mengambil tindakan-tindakan yang tertentu atas kecuaiian ini terhadap pegawai-pegawai yang terlibat.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua' perkara ini masih lagi dalam siasatan dan laporan belum diperolehi oleh Kementerian. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku penyelewengan ataupun kecacatan di mana-mana pihak, Kementerian tidak boleh membuat apa-apa tindakan melainkan Kerajaan Negeri yang berkenaan.

INSURANS - PENGGUNAAN BORANG DALAM BAHASA INGGERIS

5. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar ada syarikat-syarikat insurans yang berurus dengan orang awam untuk tujuan membeli insuran, borang-borang yang digunakan masih dalam bahasa Inggeris sepenuhnya. Apakah tindakan beliau akan ambil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat insurans am dan insurans nyawa menggunakan borang-borang cadangan polisi dan kontrak polisi dalam bahasa yang difahami oleh pihak pelanggan, terutama sekali dalam Bahasa Malaysia.

Beberapa syarikat insurans telah pun menyahut seruan Kerajaan, umpamanya Syarikat Malaysian National Insurance Sdn. Bhd. (MNI) dan Talasco Insurance Sdn. Bhd. telah pun menyediakan borang cadangan polisi dan kontrak polisi insurans nyawa dalam Bahasa Malaysia bagi

kegunaan pelanggan-pelanggannya yang kurang fasih berbahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun, Kerajaan masih belum berpuashati dengan keadaan yang ada memandangkan masih ada beberapa syarikat insurans yang belum membuat sebarang langkah ke arah itu. Kerajaan ingin menggesa Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan Persatuan Insurans Nyawa Malaysia berusaha lebih gigih lagi menyeru ahli-ahli mereka supaya mengambil berat atas perkara ini.

**FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA - JENIS KURSUS
YANG DITAWARKAN**

6. **Datuk David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan:
- (a) kursus-kursus di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya;
 - (b) kursus-kursus baru yang sesuai dengan kehendak semasa; dan
 - (c) sama ada graduan-graduan Universiti Malaya berjaya menyesuaikan diri mereka untuk pembangunan pendidikan di negara ini.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kursus-kursus yang dijalankan di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya ialah seperti berikut:
 - (i) Sarjana Muda Pendidikan (Pengajian Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua).
 - (ii) Sarjana Muda Pendidikan Islam.
 - (iii) Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan.
 - (iv) Diploma Pendidikan.
 - (v) Doktor Falsafah.

- (b) Fakulti Pendidikan Universiti Malaya sentiasa berusaha untuk memastikan program-program pendidikan yang ditawarkan bersesuaian dengan keperluan semasa dan juga negara.
- (c) Setakat ini graduan-graduan Universiti Malaya tidak mempunyai apa-apa masalah untuk menyesuaikan diri dengan pembangunan pendidikan di negara ini dan mampu memberikan sumbangan yang diperlukan.

KEMEROSOTAN EKONOMI DUNIA - KESAN TERHADAP MALAYSIA

7. **Tuan Ghazali bin Haji Embong** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh mana kemerosotan ekonomi dunia hari ini dan adakah ianya boleh menjejaskan ekonomi Malaysia. Apakah dengan sebab bentuk perlindungan yang diamalkan oleh negara-negara Barat seperti EEC dan NAFTA, Malaysia dapat mengatasinya memandangkan kita mengamalkan ekonomi terbuka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya ekonomi dunia bagi tahun 1993 telah mengalami pertumbuhan yang lembab. Pengeluaran dunia dianggarkan berkembang hanya pada kadar 2.1%, dengan kenaikan kecil dari pencapaian 1.7% pada tahun 1992. Pertumbuhan bagi tahun ini tidak begitu menyakinkan kerana senario ekonomi dunia yang terpaksa menghadapi

risiko-*risiko* seperti ketidakstabilan dalam pasaran kewangan dan modal, permintaan korporat dan pengguna yang lemah serta krisis yang berpanjangan di bekas Kesatuan Soviet. Negara-negara perindustrian juga mengalami pertumbuhan ekonomi yang lembab iaitu hanya pada kadar 1.1% sahaja. Prestasi ekonomi dunia pada tahun 1994 pula diramalkan berkembang pada kadar 3% manakala pertumbuhan negara-negara perindustrian dijangka berkembang pada kadar 2.3%.

Ekonomi Malaysia adalah berorientasikan kepada faktor luaran di mana sektor eksport menyumbang sebanyak 65% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 1992. Eksport barang-barang perkilangan merupakan 45% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar. Kemerostan ekonomi dunia terutama di pasaran utama akan mempunyai kesan mengurangkan permintaan bagi barangan di pasaran tersebut. Dengan pengurangan ini, eksport barangan Malaysia akan menghadapi saingan yang lebih dari negara pembekal yang lain. Keadaan ini akan memberi kesan kepada eksport Malaysia di mana secara langsung akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, rundingan Pusingan Uruguay yang tamat dengan jayanya pada 15hb Disember, 1993 akan membawa ke arah liberalisasi dan perkembangan perdagangan dunia yang menguntungkan Malaysia. Ianya akan juga membantu mengawal kemungkinan bertambahnya halangan perdagangan di samping menyumbang ke arah memperkukuhkan lagi sistem perdagangan pelbagai hala dunia. Ia akan dapat memastikan pasaran EEC dan NAFTA tidak akan menjadi blok-blok perdagangan yang menumpukan kepada perdagangan di kalangan negara-negara ahli dengan izin, "inward looking trade blocs".

Malaysia akan terus menyumbang secara aktif dalam organisasi-organisasi antarabangsa bagi menentukan disiplin yang kukuh dalam perdagangan di masa hadapan.

PERTUBUHAN PERSATUAN ANAK-ANAK MELAYU MALAYSIA DI KAHERAH

8. **Tuan Haji Zainal Abidin Md. Deros** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada isu Pertubuhan Persatuan Anak-anak Melayu Malaysia di Kaherah, Mesir sudah selesai dan jika ya, nyatakan ahli-ahli jawatankuasanya, sama ada terdiri daripada ahli-ahli Aurad-Muhamadiyah yang dianggap menyeleweng oleh Pusat Islam ataupun penyokong-penyokong mereka; dan jika benar, adakah ini akan menjejaskan kewibawaan kesatuan ini sebagai Kesatuan Anak Melayu Malaysia di Mesir yang sepatutnya memikirkan pelajaran mereka sahaja dan bukannya kedatangan Imam Mahadi yang menjadi perjuangan Darul-Arqam.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Pelajar Malaysia Mesir (PPMM) ditubuhkan pada 12hb Mac, 1992 dan didaftarkan di Kedutaan Besar Malaysia, Republik Arab Mesir. Difahamkan ahli-ahlinya belum begitu ramai lagi.

Setakat ini tiada kajian dibuat sama ada pengaruh Al-Arqam telah meresapi, pertubuhan ini. Tetapi daripada maklumat yang ada setakat ini, pergerakan pertubuhan Al-Arqam tidaklah ketara dan masih terkawal.

KENAIKAN HARGA BARANG - TINDAKAN MENGAWAL

9. **Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian di dalam memastikan peniaga-peniaga bahawa harga barang mereka selepas daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan Negara setiap tahun kerana keadaan sebenar di pasaran ialah harga barang tidak diturunkan mengikut pengurangan cukai seperti yang dibentangkan di dalam Belanjawan dan berapakah tangkapan yang telah dibuat bagi mereka yang engkar sehingga sekarang.

Menteri Perdagangaa Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bagi memastikan harga barang-barang yang terlibat dengan penurunan atau penghapusan cukai berikutan dengan pembentangan Belanjawan baru-baru ini dipatuhi oleh para peniaga adalah:

- (i) mengenal pasti barang-barang yang terlibat;
- (ii) mengenal pasti peniaga-peniaga yang terlibat dengan pengimportan dan pengedaran barang-barang tersebut;
- (iii) mengadakan perbincangan dengan pengimport, pengeluar, persatuan-persatuan peniaga dan pihak-pihak lain yang berkenaan supaya menurunkan harga barang-barang mereka selewat-lewatnya pada 30hb November, 1993;
- (iv) mulai 1hb Disember, 1993, Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian telah menjalankan pemeriksaan ke seluruh negara bagi menentukan mereka menurunkan harga jualan barang-barang yang terlibat; dan

- (v) meneruskan tindakan pemeriksaan ke atas barang-barang yang terlibat sehingga bulan Oktober, 1994 bagi memastikan penurunan harga barang-barang ini dipatuhi sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sukacita dimaklumkan bahawa hampir 90% daripada para peniaga yang terlibat dengan barangan yang mana dutinya diturunkan telah menurunkan harga jualan mereka. Namun begitu, terdapat juga segelintir peniaga yang tidak bertanggungjawab yang masih engkar berbuat demikian dan tindakan undang-undang telah dan sedang diambil ke atas mereka. Bagi tempoh 1hb Disember, 1993 hingga 27hb Disember, 1993, sejumlah 8,912 premis perniagaan telah diperiksa bagi maksud ini. Dari jumlah itu, seramai 289 peniaga telah diambil tindakan undang-undang dengan nilai barang-barang yang dirampas berjumlah RM181,029.45.

Tuan Janggu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana harga barang dinaikkan oleh pekedai-pekedai, adakah Kementerian ini menjalankan tugasnya ke pendalaman oleh kerana kebanyakan pelanggan di pendalaman mengadu adanya pekedai-pekedai di kawasan pendalaman yang tidak mahu menurunkan harga.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian dengan seboleh-bolehnya cuba memberikan perhatian yang lebih kepada kawasan-kawasan luar bandar kerana tempat-tempat inilah yang mana peniaga-peniaga kadang-kala cuba hendak menipu pengguna-pengguna dengan maklumat-maklumat yang tidak betul.

Namun begitu, memandangkan setakat ini kita hanya mempunyai sebanyak 34 cawangan di seluruh negara, jadi tidaklah dapat kita menjalankan pemeriksaan ke semua kawasan luar bandar. Dengan sebab itu, kita mengharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada Senate dan Dewan Rakyat dan persatuan-persatuan pengguna dan lain-lainnya memberikan maklumat kepada Kementerian supaya pemeriksaan boleh dibuat di atas kes-kes yang tertentu.

Datuk Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri tadi ada menjelaskan bahawa 90% daripada peniaga-peniaga yang berniaga menurunkan barga barangan selepas pengumuman Belanjawan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Tetapi bagaimana pula keadaannya, barang-barang yang dahulunya mengikut barga pasaran, kemudiannya cukai dipertingkatkan, kerana biasanya peniaga-peniaga akan dengan sesegera yang mungkin menaikkan harga barangan berkenaan mengikut cukai baru yang diumumkan. Berapa banyak pula tangkapan yang dibuat, berapa banyak pula peniaga yang menaikkan sesegera yang mungkin harga barangan berkenaan?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap, soalan Ahli Yang Berhormat ialah berkenaan dengan peniaga-peniaga yang menaikkan harga sebab cukai dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana exercise ini adalah bertujuan supaya peniaga-peniaga menurunkan harga kerana cukai duti dan cukai jualan diturunkan, maka kita memberikan tumpuan kepada barang-barang yang berkenaan iaitu sebanyak lebih kurang 500 barangan. Bagi peniaga-peniaga yang menaikkan harga barangan oleh kerana cukai barangan itu naik, setakat ini kita belum memberikan perhatian yang khusus.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan pemeriksaan-pemeriksaan yang dibuat terhadap peniaga-peniaga, saya ingin tahu adakah dibuat pemeriksaan ini kepada peniaga-peniaga pasar malam, peniaga-peniaga pasar tani, kerana kita dapati barang-barang yang dijual di pasar malam, di pasar tani terus meningkat, bukannya turun?

Dato' Haji Abu Hassan bin Baji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita cuba dengan seboleh-bolehnya untuk membuat pemeriksaan bukan sahaja kepada kedai-kedai ataupun premis yang tetap seperti 'supermarket', 'mini-market' dan kedai-kedai runcit tetapi pasar-pasar malam juga sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana kadangkala di pasar malam inilah tempat yang didapati sebanyak-sedikit penyelewengan berlaku terutamanya dari segi timbang dan sukat dan juga dari segi barang-barang yang tidak berkualiti ataupun barang tiruan.

Jadi, memang tumpuan ,juga diberi kepada pasar-pasar malam ataupun pasar-pasar tani.

KEMALANGAN KEBOCORAN TANGKI AIR/KEROSAKAN JAMBATAN

10. **Tuan Neo Tuan Cheng** minta Menteri Kerja Paya menyatakan:-
- (a) bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk mengelakkan berlakunya kemalangan kebocoran Cangki air seperti yang telah berlaku di Johor Bahru, Johor baru-baru ini; dan
 - (b) bagaimanakah Kementerian Kerja Raya menjalankan pemeriksaan jambatan-jambatan di seluruh negara dari masa ke semasa.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Peter Tinggom Anak

Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lazimnya pemilik bangunan atau Jawatankuasa Pengurusan Bangunan adalah bertanggungjawab bagi memastikan bekalan air bersih dan selamat bagi kegunaan pengguna-pengguna, yang menduduki bangunan mereka. Oleh itu pemilik bangunan atau Jawatankuasa Pengurusan Bangunan perlulah menjalankan pemeriksaan sekerap mungkin serta menyelenggara sistem bekalan air dengan teratur dan baik, bertujuan mengatasi gangguan bekalan air.

Pihak berkuasa air negeri pula, seperti yang diperuntukkan dalam kaedah bekalan air, hanya bertanggungjawab ke atas pemasangan sistem bekalan air sehingga meter air di premis individu. Untuk bangunan yang tinggi, tanggungjawab pihak berkuasa air adalah sehingga meter pukal (bulk meter).

- (b) Pemeriksaan jambatan-jambatan di seluruh negara yang dijalankan oleh pihak JKR adalah seperti berikut:-
 - (i) Pemeriksaan di bawah Kajian Beban Gandar Kebangsaan Fasa I dan II telah dibuat dari tahun 1986-1991. Ia melibatkan kira-kira 2,600 buah jambatan di laluan-laluan Persekutuan di Semenanjung Malaysia yang bertujuan untuk pengumpulan maklumat/inventori penganalisan dan penilaian keupayaan jambatan-jambatan tersebut. Data-data yang diperolehi disimpan di dalam Sistem Pengurusan Jambatan Berkomputer (BMS). Pemeriksaan ke atas jambatan-jambatan itu telah diadakan setiap 3 bulan sekali dan apabila didapati perlu, satu jambatan terlibat digantikan. Pemeriksaan juga dijalankan merangkumi beberapa laluan yang terlibat dengan perubahan/penggantian struktur.

- (ii) Pemeriksaan di bawah Kajian Penyelenggaraan dan Baik-pulih Jambatan dengan kerjasama Kerajaan Jepun juga telah diadakan dari tahun 1991-1992. Kajian ini melibatkan 200 buah jambatan yang telah dipilih berdasarkan kedudukannya yang rosak untuk mengenal pasti tahap kerosakan/kecacatan jambatan, masalah hakisan, kesan environmen dan mengesyorkan teknik-teknik untuk program membaik-pulih jambatan-jambatan tersebut.
- (iii) Pemeriksaan luar-biasa/kecemasan biasanya dijalankan apabila berlakunya kerosakan jambatan disebabkan oleh banjir, dilanggar kenderaan berat, hakisan, kelemahan struktur dan sebagainya.
- (iv) Pemeriksaan untuk tujuan latihan menerusi kursus-kursus yang dikendalikan oleh Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) dan juga untuk melatih kakitangan mengenai cara-cara pengawasan/pemeriksaan jambatan di peringkat Kegeri dan Daerah dijalankan.

PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA - TAHAP KEJAYAAN

11. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) jumlah pinjaman Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia yang telah diluluskan;
- (b) berapa projek dan berapa orang belia telah terlibat dalam projek tersebut;
- (c) di antara projek yang mendapat pinjaman, berapa projek telah berjaya dan berapa telah gagal; dan
- (d) berapa peminjam telah bayar balik pinjaman dan berapa orang gagal membayar balik dan apa sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) pinjaman Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia yang telah diluluskan sehingga 30hb November 1993 berjumlah RM18.2 juta;
- (b) Bagi tempoh tersebut, terdapat 1,274 projek yang telah dapat memberi faedah dan pekerjaan kepada hampir 4,000 belia;
- (c) Perasaskan kepada 1,135 projek yang telah mendapat wang pinjaman dan telah patut bermula membuat bayaran, terdapat 873 projek atau 77% yang berjaya, dan 262 atau 23% yang telah gagal. Bagaimanapun, mereka yang gagal ini masih terus berusaha dan melibatkan diri dalam bidang perniagaan;
- (d) Daripada 1,135 peminjam yang telah sampai tempoh patut membuat bayaran balik pinjaman, terdapat 1,042 peminjam membuat bayaran dan 93 peminjam gagal membuat bayaran balik pinjaman. Di antara sebab-sebab yang dikenal pasti berlakunya kegagalan membuat bayaran balik adalah seperti berikut:-
 - (i) Sikap tidak bertanggungjawab, sungguhpun perniagaan maju dan menguntungkan;
 - (ii) Masalah kewangan kerana kelemahan pengurusan yang tidak terancang dan penyalahgunaan wang perniagaan;
 - (iii) Perniagaan bermasalah kerana tidak melaksanakan projek mengikut perancangan asal; dan
 - (iv) Kemajuan dan pembangunan yang semakin mencabar dan persaingan dalam perniagaan seperti pemasaran, kualiti, kemahiran yang gagal diterokai oleh pengusaha.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, dari perancangan yang telah dilihat bahawa program adalah dibuat secara individu ataupun kemungkinan secara projek demi projek. Adakah Kementerian kini menjalankan satu - ataupun jika belum, adakah Kementerian kini bercadang untuk merancang satu program sepadu secara terancang ke seluruh negara melalui mana-mana badan belia kebangsaan yang ada?

Soalan saya yang kedua, adakah Kementerian juga mempunyai rancangan khas bagi beliawanis selaras dengan rancangan pembangunan ekonomi mereka?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Belia dan Sukan selain daripada memberi pinjaman kepada individu yang menjadi ahli Persatuan Belia, Kementerian juga sedang merancang untuk memberi pinjaman secara kelompok, iaitu secara beramai-ramai. Kepada beliawanis juga, Kementerian memang tidak pilih kasih - kita juga memberi pinjaman kepada ahli-ahli dari kalangan wanita.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi belia-belia yang enggan atau tidak bayar balik pinjaman mereka. Adakah mereka dibawa ke mahkamah dan seterusnya dihukum bankrap?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua memang banyak tindakan yang kita ambil. Pada peringkat awalnya memang kita memberi amaran dan menasihati serta mendidik mereka ini supaya menunaikan tanggungjawab mereka sebagaimana dalam perjanjian

pinjaman supaya membuat bayaran balik. Jika sekiranya mereka ini terus berdegil, kita akan mengambil tindakan. Mula-mulanya kami akan tamatkan kontrak perjanjian mereka, dan selepas itu kami akan bawa mereka ini ke mahkamah bertujuan bukan untuk mendera, tetapi untuk mendidik mereka ini supaya bertanggungjawab. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kita telah pun membawa peminjam yang gagal ke mahkamah seramai 8 orang.

**STESEN JANAKUASA DI PERGAU, KELANTAN - KRITIKAN
PEJABAT AUDIT KEBANGSAAN BRITAIN**

12. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian terhadap agensi pengawasan perbelanjaan awam Britain - Pejabat Audit Negara yang menuduh Kerajaan Malaysia membazirkan lebih RM190 juta dalam projek bekalan kuasa Empangan Pergau di Malaysia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan ini sebagai Pemangku Menteri Luar Negeri.

Pejabat Audit Kebangsaan Britain sebenarnya mengkritik Kerajaan Britain kerana telah meluluskan pembiayaan kewangan kepada Malaysia untuk projek Stesen Janakuasa di Pergau, Kelantan. Pembiayaan tersebut diluluskan tanpa mengambil kira nasihat Agensi Pentadbiran Pembangunan Luar Negeri Britain yang berpendapat bahawa projek itu tidak ekonomikal dan akan mengakibatkan pengguna Malaysia membayar kos elektrik yang lebih tinggi. Pejabat, Audit itu juga mengkritik Kerajaan Britain kerana membazir wang rakyatnya.

Rujukan terhadap Malaysia oleh Pejabat Audit tersebut telah dibuat di dalam konteks yang diulaskan di atas. Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk melibatkan diri sama ada di dalam isu dalaman sebuah negara berdaulat atau di dalam kontroversi di antara Kerajaan Britain dan Pejabat Audit Kebangsaannya.

BOSNIA-HERZEGOVINA - JUMLAH RAKYAT MALAYSIA

13. **Puan Hajah Rahaiah binti Baheran** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang berada di Bosnia. Sebagai salah seorang ahli di Majlis Keselamatan, apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu Bosnia ini.

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, setakat yang diketahui oleh Kementerian Luar Negeri, tidak ada orang awam rakyat Malaysia yang berada di Bosnia. Apa yang diketahui ialah hanya terdapat anggota-anggota tentera Malaysia dalam Kontinjen Malbatt yang bertugas di bawah UNPROFOR dan mereka yang bertugas sebagai pemerhati tentera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Bosnia-Herzegovina. Jumlah keseluruhan anggota tentera Malaysia yang terlibat dalam operasi PBB itu ialah sebanyak 1,500 orang.

Mengenai keanggotaan Malaysia di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, sukacita dimaklumkan bahawa Malaysia menduduki kerusi Majlis Keselamatan hanya selama dua tahun, iaitu mulai 1989 sehingga 1990. Ketika itu isu Bosnia-Herzegovina masih belum timbul di Majlis Keselamatan. Isu Bosnia-Herzegovina dibangkitkan mulai akhir tahun 1992 setelah kita menamatkan tempoh khidmat sebagai anggota di dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Namun begitu, sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia telah dengan aktif menyatakan pandangan dan menyuarakan pendapat kita mengenai masalah di Bosnia-Herzegovina bersama-sama beberapa negara Islam yang lain, Malaysia telah juga mengambil inisiatif dalam mengemukakan resolusi-resolusi tertentu mengenai apa yang berlaku di Bosnia-Herzegovina, umpamanya dalam usaha untuk menarik balik sekatan senjata yang dikenakan ke atas negara tersebut.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, adakah anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia dihantar ke sebuah negara yang beriklim sejuk untuk mengadakan latihan sebelum dihantar ke Bosnia supaya mereka dapat membiasakan diri dengan iklim di, sebelah sana?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi kebiasaan kita untuk memberi mereka latihan di iklim yang sejuk, di negara-negara sahabat yang berhampiran. Saya tak perlu menyatakan negara-negara yang berkenaan di mana anggota tentera kita itu dilatih. Di samping itu juga, mereka dilengkapi dengan pakaian-pakaian tertentu bagi kegunaan musim sejuk. Jadi, bolehlah dikatakan bila kita menghantar tentera ke sana, mereka dilengkapi bukan sahaja dengan pakaian, tetapi dengan latihan-latihan tertentu.

WARUNG - SYARAT LESEN

14. Puan Sri Sarasa Pasamanickam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan atas pemohon-pemohon yang ingin membuka warung di negara ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, tiada seseorang pun boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Pada hakikatnya, Pihak Berkuasa Tempatan hanya mengeluarkan lesen kepada warganegara Malaysia yang biasanya berumur 18 tahun ke atas. Mereka yang diberi lesen dikehendaki mematuhi syarat-syarat mengenai ukuran gerai atau warung serta tempat letaknya gerai atau warung supaya tidak mengganggu lalu-lintas dan pili bomba. Bagi mereka yang menjual bahan makanan, kesihatan diri adalah juga syarat mutlak, di samping kebersihan gerai dan barang-barang peralatan.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat banyak warung-warung makanan yang tumbuh seperti cendawan di hadapan rumah kediaman, di bawah pokok, di sebelah longkang, di atas parit yang terbuka dan tersumbat serta berbau yang tidak ada bekalan air paip. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, setiap Pihak Berkuasa Tempatan semestinya meneliti terlebih dahulu sebelum sebarang lesen diberikan kepada penjaja, khususnya syarat-syarat yang telah disebut tadi perlu dipatuhi. Sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat yang berkenaan bolehlah melaporkan kepada Kementerian.

WANG KERTAS MALAYSIA - PENUKARAN "RINGGIT" DENGAN "RM"

15. **Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menukarkan perkataan "ringgit" yang masih lagi dipakai pada wang kertas dengan "RM".

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, istilah 'Ringgit Malaysia' mula dipopularkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan pada 30hb Oktober, 1992. Pada bulan Disember tahun yang sama, Bank Negara mengeluarkan kenyataan tentang keputusan Kerajaan untuk menggunakan istilah "RM" bagi menggantikan istilah lain untuk Ringgit Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, kajian sedang dibuat oleh Bank Negara untuk menggunakan perkataan "RM" bagi menggantikan perkataan "Ringgit" dan simbolnya "\$" yang terdapat dalam wang kertas sekarang. Kajian ini dijangka akan mengambil masa yang panjang, kerana ianya melibatkan proses untuk mereka-bentuk semula wang kertas yang perlu dibuat dengan teliti.

Selain daripada mendapatkan rekabentuk yang sesuai dengan penggunaan simbol "RM" itu, ciri-ciri keselamatan yang merupakan elemen penting bagi sesuatu wang kertas sebuah negara perlu juga diambil kira bagi mengelakkan ia ditiru oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah permulaan ke arah memperluaskan penggunaan Ringgit sebagai menggantikan simbolnya, Bank Negara pada 15hb November yang lalu telah memperkenalkan penggunaan duit syiling RM1 berbentuk baru.

Tuan Janggu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang menukar duit syiling kepada kertas? Oleh kerana duit syiling itu menjadi masalah berat. Kemungkinan ada cadangankah?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mula memperkenalkan duit syiling RM1 ini kira-kira empat tahun yang lalu iaitu tahun 1989. Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang hendak menggantikan wang kertas dengan Ringgit Malaysia syiling (coin) ini dengan wang kertas. Antara sebab kenapa Kerajaan tidak bercadang menggantikannya ialah kerana wang syiling ini didapati lebih tahan lama dan kos membuatnya juga jauh lebih rendah dari kos membuat wang kertas. Walaupun ia menimbulkan sedikit masalah, Kerajaan yakin melalui masa, walaupun pada awalnya berat dibawa dalam poket tetapi lama-kelamaan apabila pengguna biasa dengannya, maka ia tidak akan menimbulkan sebarang masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh ringankan!

Puan Hajah Rahaiyah binti Baheran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya, bilakah Bank Negara bercadang untuk menghapuskan penggunaan wang kertas RM1 kerana wang kertas RM1 sekarang agak 'soiled' dan saya rasa agak tidak menampakkan imej yang baik untuk kita.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara tidak lagi mencetak wang kertas yang baru. Jadi, apabila kesemua wang yang lusuh ini sudah tidak dapat dipakai lagi, maka dengan sendirinya penggunaan wang kertas akan terhapus. Pada hari ini, Kerajaan hanya mengeluarkan wang syiling satu Ringgit, tidak lagi wang kertas. Jadi, dengan sendirinya wang-wang kertas yang 'soiled', yang ada itu tidak akan berada dalam edaran sedikit masa lagi.

TANAH PAYA UNTUK PENTERNAKAN UDANG - LUAS KAWASAN

16. **Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Pertanian menyatakan:-
- (a) berapa hektar tanah paya (mangrove swamp) telah dibuka untuk tujuan menternak udang dalam tahun 1991, 1992 dan 1993;
 - (b) jumlah hasil dari ternakan udang dari projek tersebut dalam tahun 1991, 1992 dan 1993; dan
 - (c) adakah Kementerian sedar atau tidak, pembukaan tanah paya yang luas itu telah menghapuskan atau merosakkan tanah pembiakan nyawa-nyawa marin. Jikalau sedar, apakah tindakan diambil oleh pihak Kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Baji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, luas kawasan tanah paya bakau yang telah dibuka untuk tujuan menternak udang adalah seperti berikut:-

	Keluasan
Tahun	(Hektar)
1991	1,631.46
1992	1,702.91

Hanya 0.3 hektar sahaja daripada seluas 577,000 hektar hutan bakau yang digunakan untuk pembangunan akuakultur.

Bagi menjawab soalan (b), jumlah hasil yang didaratkan berserta nilainya adalah seperti berikut:-

Tahun	Metrik Tan	Nilai
1991	3,379.16	RM56.7 juta
1992	3,274.5	RM55.2 juta

Untuk soalan (c), Kerajaan sedar bahawa pembangunan yang tidak terkawal di kawasan hutan bakau sememangnya akan merosakkan eko-sistemnya. Langkah-langkah tegas yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengawal pembangunan yang tidak terurus adalah seperti berikut:-

- (i) memastikan setiap projek terutamanya yang bersaiz komersil mesti menjalankan kajian penilaian terhadap alam sekitar seperti termaktub di dalam Akta Kualiti Alara Sekeliling 1974;
- (ii) memastikan setiap projek mesti mengikut garis panduan yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Malaysia mengenai paya bakau.

Di antara garis panduan tersebut ialah:

- (i) pembangunan hendaklah dibuat di luar hutan simpan paya bakau yang tidak produktif;

- (ii) tidak lebih dari 20% kawasan bakau sedia ada di daerah boleh dibersihkan bagi pembinaan kolam; dan
- (iii) mengadakan zon penampungan dengan kelebaran 100 meter sepanjang pantai antara kolam dengan paras purata air pasang tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Hasa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 36 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (PINDAAN) 1993****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.37 ptg.**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993 yang dicadangkan ini adalah sebagai pindaan kepada Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 dan bertujuan memperkemaskan dan mempertingkatkan fungsi dan peranan Lembaga Pembangunan Langkawi dalam usaha membangunkan pulau tersebut sebagai pusat pelancongan dan kawasan bebas cukai. Selaras dengan pembangunan yang sedang berkembang pesat di pulau itu, maka beberapa seksyen yang dipinda dalam Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 adalah bagi menyesuaikan dengan perkembangan keadaan yang sedang berlaku.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Langkawi diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai oleh Kerajaan pada 1hb Januari, 1987 dan sejak itu Langkawi telah menjadi destinasi utama pelancongan di negara ini. Pada masa ini terdapat kira-kira 70 buah hotel besar dan kecil dan jika diambil kira bilangan chalet, maka jumlah bilik yang terdapat di Langkawi pada hari ini ialah kira-kira 9,000 kesemuanya sekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bilangan penduduk Langkawi yang terlibat dalam sektor hotel dan perkhidmatan telah meningkat dengan ketara. Pada tahun 1990, kira-kira 4,945 orang di Langkawi terlibat dalam sektor hotel dan perkhidmatan. Pada hari ini, terdapat kira-kira 8,433 orang - menunjukkan peningkatan hampir dua kali ganda atau 100% dalam bilangan penduduk Langkawi yang terlibat dalam industri hotel dan perkhidmatan. Ini jelas menunjukkan bahawa Langkawi sedang berkembang dengan pesatnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993 meminta Dewan ini meluluskan 3 cadangan pindaan. Cadangan yang pertama ialah untuk menggantikan gelaran "Pengurus" kepada "Pengurus Besar". Apabila LADA ataupun Lembaga Pembangunan Langkawi ditubuhkan, ia merupakan sebuah organisasi yang kecil, yang anggotanya terdiri daripada 9 orang kakitangan dan diketuai oleh seorang Ketua Eksekutif bergelar "Pengurus". Pada masa itu, LADA hanya merupakan penyelaras bagi melaksanakan beberapa projek pembangunan di Langkawi.

Setelah beroperasi selama lebih kurang 3 tahun, tugas dan fungsi LADA telah diperluaskan kepada peranan yang lebih besar, iaitu merancang, mengawasi dan melaksanakan semua bentuk pembangunan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai. Memandangkan beban tugas LADA yang semakin meningkat, maka 2A jawatan tambahan telah diwujudkan, menjadikan bilangan jawatan di LADA pada masa ini 33 kesemuanya.

Dengan pertambahan bilangan jawatan ini, maka beberapa seksyen dalam organisasi LADA telah diwujudkan bagi melaksanakan tugas-tugas tambahan. Dengan yang demikian, bagi mengelakkan kekeliruan daripada segi gelaran "Ketua Eksekutif" dengan lain-lain jawatan kanan dalam LADA, serta kesesuaian penggunaannya setaraf dengan lain-lain agensi Lembaga Kemajuan Wilayah, maka gelaran "Ketua Eksekutif" LADA dinamakan "Pengurus Besar" bagi menggantikan nama "Pengurus".

Untuk tujuan tersebut, seksyen-seksyen 2, 12 dan 22 Akta Pembangunan Langkawi 1990 adalah dipinda bagi mengambil kira perubahan gelaran jawatan itu. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang diminta luluskan oleh Dewan ini ialah untuk membolehkan Pengurus Besar menjadi seorang anggota ex-officio Lembaga. Mengikut peruntukan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, Pengurus Lembaga Pembangunan Langkawi tidak menganggotai Lembaga Pengarah.

Sebagai Pengurus yang bukan menjadi Ahli Lembaga, tindakan yang diambil tanpa penurunan kuasa oleh Pengarah boleh dipersoalkan. Oleh itu, adalah wajar supaya Pengurus menjadi Ahli Lembaga untuk memberinya kuasa yang sah bagi melaksanakan segala keputusan Jemaah Lembaga LADA.

Selain daripada itu, cadangan ini adalah untuk menyeragamkan dengan lain-lain agensi pembangunan wilayah seperti KEDA dan PERDA serta beberapa Perbadanan lain di mana Pengurus Besar menjadi Ahli Lembaga Pengarah agensi-agensi tersebut. Untuk membolehkan pindaan ini dibuat, maka seksyen 5 Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 dicadang dipinda supaya Pengurus Besar menjadi seorang anggota ex-officio Lembaga Pengarah LADA.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, adalah dicadangkan supaya tanah-tanah yang dibangunkan oleh LADA - pada masa ini tanah-tanah yang dibangunkan oleh LADA di Langkawi diperolehi melalui cara-cara berikut:-

- (i) tanah yang diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960;
- (ii) tanah yang dibeli; dan
- (iii) tanah yang diberi milik oleh Kerajaan Negeri Kedah.

Mengikut seksyen 33 Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, selepas 20 tahun Akta ini berkuatkuasa, ianya boleh dilanjutkan dan jika ianya tidak dilanjutkan mengikut subseksyen 34(1), LADA akan terbubar. Apabila LADA dibubarkan, maka menurut subseksyen 34(3)(b), semua tanah-tanah kepunyaan LADA akan diserahkan dan terletak hak kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Sehubungan dengan ini, bagi tujuan memelihara dan menjaga kepentingan Kerajaan Negeri Kedah dan rakyat tempatan, adalah dicadangkan supaya tanah-tanah yang diberi milik kepada LADA oleh Pihak Berkuasa Negeri Kedah akan dikembalikan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah apabila LADA dibubarkan.

Untuk tujuan tersebut, subseksyen 34(3)(b) Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 dicadangkan dipinda bagi membolehkan semua tanah yang telah diberi milik kepada LADA oleh Pihak Berkuasa Negeri diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah apabila LADA dibubarkan. Serahan tanah ini adalah tertakluk kepada syarat Kerajaan Negeri membayar suatu amaun pampasan yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Negeri kepada Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan pembangunan yang telah dibuat oleh LADA di atas tanah-tanah itu. Bayaran pampasan tersebut adalah wajar memandangkan Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan wang yang banyak bagi membangunkan tanah-tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itulah tiga pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini. Saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr, Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad.

3.44ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993, saya ingin juga mengambil bahagian di dalam perbahasan bagi menyokong Rang Undang-undang ini.

Amatlah wajar sekali perkataan "Pengurus" dalam Akta itu diganti dengan "Pengurus Besar" kerana LADA adalah suatu institusi yang besar dalam erti membangunkan Langkawi yang mana pembangunan itu bukan hanya bagi keperluan Langkawi semata-mata, bahkan untuk negara seluruhnya. Justeru itu, Pengurus Besar LADA bukanlah berfungsi sebagai Pengurus Besar PPK atau Pertubuhan Peladang Kawasan, tetapi dari aspek yang lebih luas termasuk dalam pengertian politik negara juga.

Amatlah wajar Akta ini dipinda dengan memberi pengertian yang luas dan berkuasa kepada Pengurus Besar LADA dengan menjadikannya seorang anggota ex-officio, bahkan kuasa-kuasa mutlak dalam menempa perniagaan, juga perlu diberikan. Janganlah hendaknya peluang yang seharusnya dilaksanakan terbantut disebabkan perkara remeh-temeh ataupun perkara-perkara kecil.

Menyentuh mengenai pembangunan Langkawi ini, amatlah memberi faedah jangka panjang jika sekiranya institusi pengajian tinggi dapat diwujudkan di Langkawi, sekurang-kurangnya ITM ataupun Maktab Perguruan buat permulaan ini. Dengan adanya institusi pengajian tinggi di Langkawi, perhubungan ibu bapa dan anak-anak ataupun saudara-mara mereka sentiasa ada. Dengan itu, Langkawi akan sentiasa dikunjungi bukan pada masa-masa tertentu sahaja seperti

semasa diadakan pesta, kempen melancong ke Langkawi atau sebagainya.

Dalam membangunkan Langkawi, Perbadanan Kraftangan, MARA dan Jabatan Pembangunan Koperasi haruslah digerakkan untuk sama-sama membangunkan Langkawi. Koperasi adalah satu badan yang melibatkan masyarakat ramai dan ahli-ahli yang terdiri daripada anak-anak Langkawi. Itulah yang hendak dibangunkan terutamanya. Justeru itu, Jabatan Pembangunan Koperasi yang sekarang ini mempunyai dua tiga orang kakitangan itu patutlah dinaikkan tarafnya supaya pencapaian koperasi-koperasi di pulau itu mencapai suatu tahap yang membanggakan. LADA juga andainya dapat memainkan peranan dalam membantu sebagai perunding kepada bumiputera bagi mewujudkan projek-projek memajukan serta mempertingkatkan prestasi projek bagi bumiputera yang sedia ada, amatlah menepati kehendak-kehendak Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah berhajat hendak bercakap panjang lebar dalam perkara ini. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993 yang dibentangkan di Dewan ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah.

3.48 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan meluluskan suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 yang dibentangkan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh pelancong, sama ada dalam negeri atau luar negeri yang ingin datang ke Langkawi ialah kerana ingin melihat bekas-bekas sejarah bagi legenda Mahsuri iaitu peperangan Siam dengan orang-orang Kedah yang masih ada lagi tanda-tandanya seperti tempat beras terbakar, kemudian teluk-teluknya yang indah. keindahan alam sekitar dan air lautnya yang begitu jernih, dan pantainya yang bersih. Jadi, apabila telah ramai pelancong ingin pergi, Kerajaan mengadakan pembangunan dengan begitu hebat. Kemudian pelancong dalam negeri berkejaran kerana mendengarkan bahawa selain daripada legenda ini, di Langkawi ada penjualan tax free, jadi rakyat berkejaran ke Langkawi untuk membeli barang murah,

Apabila rakyat sampai di Langkawi, yang paling banyak penjualan barang murah atau tax free ialah jualan arak dan rokok. Sedikit-sedikit ada batik dari Indonesia. Kemudian Kerajaan terus membangunkan Langkawi begitu hebat dengan segala jenis hotel-hotel mewah dan juga chalet-chalet yang rendah harganya. Saya melihat dalam perkembangan ini bahawa Kerajaan mempunyai tujuan supaya Langkawi menjadi satu tempat atau bandar yang besar dan indah, menjadi tempat manusia datang begitu ramai dan akhirnya, dengan meluluskan Akta ini, saya rasa Langkawi akan menjadi seperti pulau Singapura ataupun Hong Kong, tempat membeli-belah dan tempat pelancong yang begitu ramai.

Saya tidak menentang pembangunan yang seperti itu, tetapi apabila melihat sekarang ini pembangunan dibuat dengan begitu hebat, mulalah anasir-anasir maksiat dimasukkan. Diadakan pub, karaoke dan rumah-rumah urut mula menjalar ke dalam tempat-tempat di Pulau Langkawi.

Jadi, saya minta pembangunan ini diawasi supaya tidak menjadi seperti Hong Kong di mana dijadikan tempat maksiat dan "gangster". Lebih baiklah kita memelihara keindahan yang begitu indah dan membangunkan tempat-tempat yang indah ini menyebabkan tempat ini menjadi kesukaan segala pelancong-pelancong sama ada dari dalam dan luar negeri. Bagi rakyat negara ini sendiri, mereka pergi memang susah juga, tetapi walaupun susah dia pergi juga. Daripada kampung, mereka naik bas, sehari semalam baru sampai ke Langkawi dengan tidak tidur. Daripada kampung saya, misalannya, terus ke Langkawi. Sampai di Langkawi mandilah di dalam sebuah hotel yang kecil, tidak tidur lagi, pergi shopping. Lepas itu terus balik. Itu pun kena tambang sampai RM5,000 sebuah bas. Apabila mereka membeli-belah, tidak banyak barang yang boleh dikatakan mendapat harga murah. Sebab itu saya meminta supaya tax free ini diluaskan lagi kepada lebih banyak barang-barang selain daripada arak dan rokok.

Kemudian, apabila pembangunan ini diluluskan, kuasa diberi kepada Pengurus Besar. Bila dikata Pengurus Besar, kuasanya begitu besar juga. Apakah jaminan Kerajaan Persekutuan, apabila didirikan bangunan-bangunan yang tinggi kerana di Langkawi juga ada bukit-bukit, lereng-lereng bukit atau lembah-lembah yang di bawah tanah

itu mempunyai air atau lodakan batu kapur yang boleh menyebabkan kondominium ataupun rumah-rumah dan hotel-hotel besar yang didirikan itu tumbang. Jadi, kuasa Kerajaan Persekutuan mengikut keterangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semalam, semua kuasa-kuasa pembangunan adalah di tangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan - siapa pun tahu. Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa. Kabinet juga belum meluluskan suatu akta yang boleh menahan kuasa-kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan yang meluluskan pembinaan bangunan-bangunan yang begitu hebat.

Jadi, akibat daripada kondominium yang runtuh, kita telah mempelajari bahawa kuasa meluluskan adalah kuasa Kerajaan Tempatan negeri. Jadi, sebab itu kuasa Pengurus Besar yang ada di Langkawi ini juga hendaklah ditentukan setakat mana kuasa-kuasa yang boleh diberi supaya jangan seluruh tanah-tanah dalam Langkawi nanti dibangunkan sesuka hati sehingga Langkawi tidak lagi menjadi pulau indah, pulau yang menjadi kesukaan pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri yang ingin datang melihat keindahannya.

Oleh sebab itu, saya meminta supaya Kerajaan Persekutuan menyamak kuasa-kuasa yang ada di tangan kita supaya ditentukan bahawa pembangunan Langkawi itu mengikut kehendak-kehendak Kerajaan Persekutuan supaya jangan Pengurus Besar yang diberi kuasa itu boleh membuat sesuka hati dan meluluskan kuasanya dengan tidak terhad menyebabkan pembangunan Langkawi tidak seperti yang kita kehendaki.

Jadi, sedikit sahajalah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan ribuan terima kasih dan saya menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 yang ada di hadapan kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon,
3.55 ptg.

Dr. Toh Kin Woon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993 serta menyokong segala pindaan kepada Rang Undang-undang ini yang baru sahaja dibentangkan ke Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat. Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tumpuan diberikan kepada pembangunan Pulau Langkawi sebagai pusat peranginan, memang pembangunan Langkawi telah pun dipergiatkan dan pembangunan yang giat ini memang mengkagumkan ramai rakyat di Malaysia serta di sekitar rantau ini. Sebahagian daripada usaha-usaha untuk mengharumkan nama Langkawi sebagai pusat peranginan, beberapa acara telahpun dianjurkan dan salah satu di antaranya yang amat dikenali sekali ialah LIMA yang telah dianjurkan dengan jayanya untuk beberapa tahun kebelakangan ini.

Dengan adanya acara-acara sedemikian rupa, nama Langkawi telahpun dihebahkan kepada begitu ramai sekali sehingga dapat menarik ramai di antara mereka datang melawat Pulau Langkawi. Tambahan lagi infrastruktur seperti hotel-hotel dan perhubungan awam di pulau ini telahpun dimajukan supaya menarik ramai datang ke Pulau Langkawi ini untuk membeli-belah. Kedai-kedai bebas cukai telahpun ditubuhkan di pulau ini. Dan seperti apa yang saya telah katakan tadi, keputusan adalah baik dan begitu nyata sekali.

Dengan adanya pembangunan Langkawi yang begitu pesat, adanya banyak kebaikan yang diperolehi seperti perolehan daripada industri pelancongan telah bertambah, kerja-kerja di sektor-sektor yang berkait dengan industri pelancongan telah pun diciptakan dengan banyak dan ini saya yakin akan memanfaatkan penduduk-penduduk di Pulau Langkawi khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong dengan sekuat-kuatnya Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi serta pindaan-pindaannya dan pembangunan pesat Langkawi, tetapisaya ingin merayu kepada Kerajaan supaya berhati-hati akan beberapa masalah yang mungkin timbul semasa Langkawi giat dibangunkan. Salah satu daripada masalah yang mungkin timbul ialah inflasi iaitu kenaikan secara besar-besaran harga barang-barang dan kalau tidak adanya pembiayaan ataupun subsidi, kemungkinan besar penduduk-penduduk tempatan akan disusahkan oleh masalah inflasi ini. Jadi, ini adalah salah satu daripada masalah yang saya harap Kerajaan akan mengambil berat supaya pembangunan giat Langkawi ini tidak akan menyusahkan khasnya penduduk-penduduk tempatan di Langkawi.

Saya difahamkan bahawa sekurang-kurangnya kakitangan-kakitangan Kerajaan telahpun diberikan suatu subsidi bagi menampung kenaikan dalam harga ini dan kalau demikian, ini adalah suatu langkah yang berpatutan. Tetapi ada juga mereka yang di luar sektor awam yang harus diberikan perlindungan berkait dengan masalah ini dan saya harap Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memperlindungi mereka yang di luar sektor awam yang mungkin akan disusahkan oleh masalah inflasi ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkait dengan alam sekitar. Kita dapati dalam pembangunan banyak tempat-tempat peranginan yang lain, khasnya di pulau-pulau dan bukit-bukit terdapatnya kos sosial dalam bentuk pemusnahan alam sekitar yang muncul. Saya rasa ini adalah sesuatu yang kita harus ambil berat sebab Pulau Langkawi adalah terkenal dengan pantai-pantainya yang begitu bersih dan indah setakat ini.

Pantai-pantai yang bersih dan indah ini harus dipertahankan dan kalau didapati adanya pembangunan yang mungkin akan merosakkan atau memusnahkan keadaan sedemikian rupa, maka langkah-langkah yang sewajarnya mesti diambil untuk meminimumkan pemusnahan alam sekitar atau yang paling baik sekali, tidak usahlah membenarkan pembangunan sedemikian rupa iaitu pembangunan infrastruktur atau projek-projek besar-besaran yang boleh memusnahkan alamsekitar ini.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan Pulau Langkawi mungkin terdapat 'dislocation', dengan izin, kepada setengah masyarakat di Pulau Langkawi, umpamanya mungkin ada di antara, katakan nelayan-nelayan yang terpaksa dipindah dan sebagainya. Kalau ada masalahnya yang sedemikian rupa, saya berharap pemuda-pemudi yang sedang menceburkan diri dalam industri penangkapan ikan yang terpaksa meninggalkan industri ini diberi keutamaan dalam latihan bagi menempatkan mereka semula dalam industri yang kian berkembang di Pulau Langkawi. Maksud saya, pemuda-pemudi yang menceburkan diri dalam industri perikanan harus diberikan latihan dalam industri hotel dan industri-industri lain yang berkait dengan industri hotel supaya mereka ini dapat ditempatkan semula dan dengan cara yang demikian, masalah-masalah berekoran daripada 'dislocation', dengan izin, akan dapat diminimumkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan. Saya berharap Kerajaan akan mempertimbangkan Pulau Langkawi, selain daripada dijadikan pusat peranginan (resort centre) boleh dibangunkan sebagai 'recuperation centre', dengan izin. Saya difahamkan bahawa di Amerika Syarikat, Florida memperolehi berbilion-bilion Dolar Amerika Syarikat dengan menawarkan kemudahan-kemudahan bagi pesakit-pesakit untuk berehat sebab di Florida, iklimnya begitu sesuai dan baik sekali. Saya rasa, Pulau Langkawi dengan iklimnya yang baik dan persekitarannya yang begitu seronok sekali, mempunyai potensi yang besar untuk dibangunkan sebagai 'recuperation centre'. Ini memerlukan infrastruktur yang munasabah dan kalau didapati adanya potensi yang besar dalam hal ini, Kerajaan bolehlah meminta perunding-perunding merancang satu rancangan besar bagi membangunkan Pulau Langkawi ke arah ini.

Kemudian, Pulau Langkawi sebagai pusat pendidikan juga tidak dapat kita ketepikan sebab Pulau Langkawi, seperti apa yang saya katakan tadi, mempunyai persekitaran yang sesuai sebagai pusat perkhidmatan dan di antara perkhidmatan ini ialah pendidikan. Saya difahamkan bahawa ada kemungkinan besar untuk satu kampus tempatan bagi University of London akan ditubuhkan di Malaysia. Tempatnya, saya tidak tahu sama ada sudah ditentukan atau belum. Kalau belum, mungkin Pulau Langkawi bakal boleh dijadikan sebagai tapak untuk "off-campus for University of London" dan dengan cara yang demikian,

Pulau Langkawi boleh dibangunkan sebagai pusat perkhidmatan-perkhidmatan yang merangkumi, pertama, pelancongan; yang kedua, 'recuperation services'; dan yang ketiga, pendidikan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang datang dari Pulau Pinang, saya berharap promosi pelancongan akan dapat dilakukan serentak. Maksud saya, kita memang mesti menghebah-hebahkan Pulau Langkawi sebagai pusat peranginan. Pada masa yang sama, saya berharap Pulau Pinang dapat juga dihebahkan bersama-sama supaya terdapat satu pakej keseluruhan untuk menjadikannya Wilayah Utara Semenanjung Malaysia sebagai pusat peranginan.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan sekali lagi saya ingin mengulangi sokongan saya bagi Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kian Sit Har.

4.06 ptg.

Puan Kian Sit Har: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk memberikan sepatah dua pandangan saya berhubung dengan suatu pindaan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah pergi ke Pulau Langkawi dan melihat pembangunan di pulau berkenaan yang telah dibangunkan dan dimajukan dengan pesat. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah berusaha dan menghidupkan Pulau Langkawi dari sebuah pulau yang saya anggap dahulu sebagai sepi dan

tidak maju. Tetapi sekarang bukan sahaja pulau ini membangun bahkan sudah terkenal sebagai pulau percutian yang menarik di samping pembangunan ekonomi.

Pulau Langkawi adalah tempat percutian yang nyaman dan selesa dengan kemudahan-kemudahan penginapan. Tempat-tempat peranginan, perkelahan lengkap dengan keperluan-keperluan untuk pelancong-pelancong. Kejayaan pembangunan serta memperkenalkan Pulau Langkawi ini ke merata dunia nampak lebih terserlah apabila "LIMA 1993" diadakan di dalam bulan Disember 1993. Sekali lagi kepujian diajukan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad beri langkah-langkah yang telah dilaksanakan di dalam memajukan kawasan di dalam negara ini oleh beliau. Usaha-usaha seperti ini patutlah dicontohi oleh semua Menteri-menteri Kabinet yang lain bagi memajukan kawasan-kawasan dalam negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, setiap Wakil Rakyat atau Ahli Parlimen mempunyai tempoh lebih kurang 5 tahun dalam sesuatu penggal yang dipegang. Saya yakin dan percaya jika tanggungjawab dikuatkan dengan azam dan semangat gigih pasti boleh berjaya membuktikan kecemerlangan pembangunan dan ekonomi kawasan-kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, ingin saya memberi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka sekarang yang telah mengambil langkah di dalam pembangunan dan memajukan negeri Melaka sebagai negeri "Bandaraya Bersejarah" dan mengembalikan kegemilangannya yang penuh dengan sejarah tanah air. Melaka yang suatu masa dahulu pernah dikatakan sebagai "sleepy hollow" tetapi sekarang saya menganggapnya "awakening historical Malacca".

Tuan Yang di-Pertua, maka sewajar dengan hujah-hujah yang diberikan di atas, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang meminda Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1993, diluluskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim Baba.

4.10 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama menyokong Rang Undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada pindaan ini ialah tujuannya untuk memotong takrif 'Pengurus' dan ditukarkan kepada istilah 'Pengurus Besar'. Kita memanglah mengalu-alukan pertukaran ini, tetapi pada masa yang sama juga, saya yakin apabila telah pun ditukarkan jawatan daripada 'Pengurus' kepada 'Pengurus Besar', ianya tidak akan memberikan sebarang makna jika kuasa-kuasa yang ada kepada seorang "Pengurus" masih sama juga sebagai seorang "Pengurus Besar". Saya berharap, kuasa-kuasa ataupun tanggungjawab yang diberikan kepada Pengurus Besar yang dilantik ini biarlah bersesuaian dengan jawatan beliau sebagai seorang Pengurus Besar. Beliau hendaklah diberikan tanggungjawab dan pada masa yang sama juga diberikan "kuasa".

Masalah yang terdapat dalam perbadanan-perbadanan Kerajaan sekarang ini ialah seorang Pengurus Besar ataupun seorang Ketua Eksekutif biasanya diberikan satu tanggungjawab tetapi tidak diberikan kuasa yang setimpal untuk melaksanakan tanggungjawab ini. Jadi, saya berharap dengan pengwujudan jawatan Pengurus Besar ini, beliau akan diberikan tanggungjawab dan juga kuasa, iaitu responsibility and also authority, dengan izin. Jika hanya diberikan sebagai

tanggungjawab sahaja tanpa sebarang kuasa, saya fikir pertukaran nama daripada "Pengurus" kepada "Pengurus Besar" pun tidak akan membawa sebarang manfaat kepada LADA.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya harapkan ialah supaya Pengurus Besar yang dilantik kepada perbadanan-perbadanan seperti Lembaga Pembangunan Langkawi ini beliau hendaklah bebas dan tidak terikat sangat dengan peraturan-peraturan Kerajaan. Saya masih ingat lagi, pada satu ketika dahulu apabila Perwaja ditubuhkan, seorang pegawai tinggi Kerajaan telah pun dipinjamkan dan saya difahamkan bahawa pegawai tinggi Kerajaan ini terpaksa menghabiskan masa yang banyak untuk melapor kepada EPU, Treasury, Setiausaha Kerajaan Negeri dan juga sebagainya. Tetapi apabila seorang tokoh korporat telah pun menggantikan tempat beliau, beliau seolah-olahnya diberikan kuasa penuh dan juga kuasa mutlak. Kita dapat lihat perbezaan di antara dua tokoh yang telah pun menjalankan ataupun menguruskan Perwaja. Saya percaya bukannya salah pegawai Kerajaan yang telah pun diberikan tanggungjawab untuk menguruskan Perwaja pada satu ketika dahulu, tetapi disebabkan kerana beliau diberikan satu tanggungjawab tanpa kuasa. Tetapi apabila diberikan kepada seorang tokoh korporat, beliau diberikan tanggungjawab dan juga diberikan kuasa mutlak. Kita dapat lihat perbezaan yang telah pun dapat dibawa kepada Perwaja pada ketika itu.

Saya berharap juga kepada Pengurus Besar yang akan dilantik, yang akan ditukarkan namanya daripada "Pengurus" kepada "Pengurus Besar" LADA ini juga akan diberikan kuasa yang setimpal, kuasa yang membolehkan beliau menjalankan tugas tanpa sebarang halangan, tidak

perlu beliau terpaksa menjawab kepada EPU, kepada Treasury, kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah ataupun sebagainya. Beliau hanyalah bertanggungjawab kepada Lembaga LADA sahaja, iaitu Pengerusi LADA dan beliau boleh dengan bebas melaksanakannya. Kalau beliau difikirkan tidak berjaya melaksanakan responsibility dan juga authority yang diberikan, beliau bolehlah ditukar ataupun digantikan.

Itulah sebabnya saya berharap juga amalan meminjamkan pegawai-pegawai Kerajaan kepada perbadanan-perbadanan yang penting seperti ini hendaklah diberhentikan. Kita cari tokoh-tokoh yang berkebolehan. Kalau ada pegawai-pegawai Kerajaan yang difikirkan berkebolehan dan juga berkemampuan untuk menjadi Pengurus Besar LADA ini, beliau hendaklah diberikan pilihan sama ada berhenti daripada menjadi pegawai Kerajaan dan mengambil tanggungjawab sebagai Pengurus Besar LADA. Kalau kita amalkan soal dipinjamkan ataupun, dengan izin, secara 'secondment' ini, kadangkala tanggungjawab itu tidaklah sehebat ataupun sepertimana kalau beliau dengan sepenuh masa akan bertanggungjawab kepada LADA.

Tuan Yang di-pertua, perkara kedua yang ingin saya timbulkan ialah peranan LADA ataupun Langkawi Development Authority. Saya berharap, LADA akan bertindak sebagai pembimbing kepada perniagaan ataupun untuk memajukan Langkawi, bukannya sebagai penyaing ataupun bersaing dengan pengusaha-pengusaha bumiputera. Kalau ada bidang-bidang perniagaan yang boleh dilaksanakan ataupun diuruskan sendiri oleh pengusaha-pengusaha bumiputera, ianya hendaklah dijalankan oleh pengusaha-pengusaha bumiputera sendiri tanpa campurtangan ataupun tanpa LADA sendiri menceburkan diri di dalam

bidang-bidang perniagaan ini. Saya perlu timbulkan ini kerana kadangkala menjadi kebiasaannya badan-badan yang ditubuhkan oleh Kerajaan secara perlahan-lahan, secara sedar ataupun tidak sedar, telah pun memasuki bidang-bidang perniagaan tertentu - kadangkalanya bersaing pula dengan peniaga-peniaga bumiputera ataupun peniaga-peniaga tempatan - yang boleh dilakukan oleh peniaga-peniaga tempatan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad telah pun menimbulkan soal hanya bahan-bahan seperti rokok dan juga minuman keras yang kononnya terdapat diberikan taraf "bebas cukai". Satu perkara yang ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan ialah setahu saya, saya dapati banyak kain-kain batik daripada Indonesia yang dijual di Pulau Langkawi. Setahu saya, mengikut Akta Kastam, kain batik ini barang yang diharamkan, bukannya boleh dibawa masuk dan juga dibayar cukai - tak boleh dibawa masuk langsung. Tetapi saya lihat kain-kain batik ini dijual dengan secara berleluasa di Pulau Langkawi dan ini saya percaya telah pun menjejaskan serba-sedikit perniagaan mereka yang berkecimpung dalam industri kain batik, khasnya di Kelantan, Terengganu dan sebagainya. Saya berharap juga, perkara ini dapat dilihat oleh pihak Kementerian Kewangan.

Satu lagi perkara yang saya harapkan ialah supaya Pulau Langkawi tidak dijadikan sebagai tempat melonggokkan barang-barang murah ataupun barang-barang yang tidak bermutu dan juga tidak berkualiti. Saya berharap ada pengawasan tentang barang-barang yang boleh dibawa masuk ke pulau yang berkenaan. Kita tidak mahu

barang-barang yang tidak bermutu, barang-barang yang tidak berkualiti dilonggokkan di Pulau Langkawi dan selepas itu dijual kepada rakyat tempatan. Oleh kerana harganya kelihatan murah, jadi rakyat tempatan pun membelinya, pada hal barang-barang yang dijual adalah barang yang tidak bermutu dan tidak berkualiti langsung.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya harapkan ialah supaya Kerajaan tidak dengan sewenang-wenangnya, apabila sampai satu ketika esok, menarik balik taraf bebas cukai kepada Pulau Langkawi. Saya masih ingat lagi, bukanlah mudah untuk hendak 'promote' sesuatu kawasan untuk dijadikan kawasan bebas cukai. Kita masih ingat lagi pada satu ketika dahulu Pulau Pinang sebagai pulau bebas cukai, dan saya percaya bukanlah dalam masa yang singkat sahaja boleh diperkenalkan Pulau Langkawi sebagai kawasan bebas cukai dan selepas itu dengan serta-merta ditarik balik taraf bebas cukai, dan selepas itu barulah dimajukan Pulau Langkawi. Pada masa itu, kita tahu betapa ternamanya Pulau Pinang terhadap pelancong-pelancong dan kita berharap Pulau Langkawi juga akan terus dijadikan kawasan bebas cukai.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bukan berasal daripada negeri Perak, saya ingin mencadangkan juga kepada Kerajaan supaya kalau dapat memikirkan Pulau Pangkor dijadikan salah satu daripada pulau bebas cukai, kerana pulau ini mempunyai keadaan-keadaan yang sesuai untuk dijadikan kawasan bebas cukai.

Kalau di kawasan utara kita telah pun ada dua kawasan bebas cukai iaitu di Bukit Kayu Hitam dan juga di Pulau Langkawi, di kawasan Pantai Timur pun kita ada di Rantau Panjang iaitu di Pengkalan Kubur, kalau tidak silap saya.

Di Malaysia Timur pula kita ada Labuan sebagai pulau bebas cukai, dan saya berharap kalau dapat satu lagi pulau bebas cukai diwujudkan di kawasan tengah iaitu di Pulau Pangkor supaya ianya juga akan memberikan kemudahan dan juga sebagai tarikan pelancong untuk membeli-belah di Pulau Pangkor.

Tuan Yang di-Pertua, hanya itu sahajalah pandangan saya dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta pihak Kementerian menjawab.

4.22 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap membahaskan Rang Undang-undang ini iaitu Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon, Yang Berhormat Puan Kian Sit Har dan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Daripada perbahasan tadi, adalah jelas bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai pandangan yang bernas, dan pandangan-pandangan

yang disuarakan agar pembangunan Langkawi dapat berjalan dengan lebih teratur, lebih tersusun dan benar-benar menepati hasrat kita untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang utama.

Saya berpendapat, kita semua harus berbangga dengan kejayaan Langkawi sebagai sebuah destinasi utama. Dalam tempoh 5-6 tahun kita telah berjaya membangunkan Langkawi daripada sebuah pulau yang tidak ada daya tarikan langsung sehingga menjadi pulau yang menjadi sebutan bukan sahaja di bibir mulut rakyat Malaysia, malah juga di kalangan pelancong-pelancong antarabangsa. Sesungguhnya kejayaan Langkawi menunjukkan betapa idea yang bernas itu serta dengan kesungguhan, maka dapat kita melaksanakan satu program atau projek dengan jayanya sehingga memberi keuntungan bukan sahaja kepada pulau tersebut, tetapi juga kepada rakyat Malaysia amnya.

Sesungguhnya peranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepertimana yang dikatakan oleh Puan Kian Sit Har amat besar dalam membangunkan Langkawi. Kesungguhan beliau bukan sahaja setakat mengadakan lawatan yang kerap ke Pulau Langkawi, tetapi memerhatikan sendiri perkembangan serta pembangunan Langkawi. Inilah antara sebab utama kenapa Langkawi menjadi sebuah pusat pelancongan yang termasyhur di negara kita. Dan kita percaya bahawa dengan adanya kesungguhan itu, maka idea yang bernas, yang mula dilaksanakan pada tahun 1987 akan dapat kita teruskan, dan dengan itu memberi faedah dan keuntungan kepada seluruh rakyat Malaysia. Ia merupakan satu

DN 29.12.93

lambang manifestasi bagaimana kita berjaya menterjemahkan idea yang baik, yang bernas untuk memberi faedah kepada rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertama, Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad menyarankan agar di Langkawi ditempatkan beberapa institusi pengajian tinggi termasuk mungkin sebuah maktab perguruan ataupun sebuah kampus cawangan Institut Teknologi MARA.

Pada masa ini sepanjang pengetahuan saya, belum ada perancangan untuk menempatkan institusi-institusi yang disebutkan di Langkawi, tetapi pada pandangan saya, walaupun tanpa penempatan institusi tersebut di Langkawi, kita dapati bahawa Langkawi amat berjaya dalam menarik pembangunan, menarik pelancongan dan berjaya membangunkan Langkawi sebagai bukan sabaja sebuah pusat pelancongan, tetapi juga sebagai sebuah pulau yang mampu menjanjikan peluang-peluang pekerjaan yang banyak kepada anak-anak tempatan. Jadi, tanpa penempatan institusi-institusi Kerajaan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, pun pada masa ini Langkawi nampaknya sedang pesat berkembang.

Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad juga membicarakan tentang koperasi. Mengikut beliau oleh kerana koperasi ini mempunyai ahli yang ramai, maka harus dipergiatkan usahanya, harus ditambah pegawai dan sebagainya. Untuk ini ingin saya maklumkan bahawa Kerajaan telah menubuhkan pada bulan Mac, 1992 iaitu tahun

lepas, apa yang dipanggil Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi (ASAL) dengan peruntukan Kerajaan sebanyak RM10 juta. Pada masa ini dana tabung ini sudah pun hampir RM12 juta dan antara tujuan utama penubuhan ASAL ialah untuk memastikan bahawa pembangunan di Langkawi itu dapat juga dinikmati, dirasai oleh penduduk tempatan. ASAL bukan setakat melabur wang yang diperuntukan oleh Kerajaan, tetapi akan mengenal pasti projek-projek pembangunan yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk tempatan dan dengan itu memastikan bahawa proses pertumbuhan itu akan dinikmati oleh segolongan rakyat ataupun penduduk yang besar di Pulau Langkawi.

Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad juga mencadangkan supaya LADA menjadi sebagai perunding kepada bumiputera yang ingin berkecimpung dalam bidang perniagaan. Dalam hal ini, Kerajaan ingin memaklumkan bahawa di merata tempat dalam negara termasuk juga di Langkawi terdapat agensi-agensi Kerajaan yang ditubuhkan untuk membantu bumiputera melibatkan diri dalam perniagaan. Oleh hal yang demikian, LADA tidak memainkan peranan yang mungkin penting dalam hal ini, kerana kita ada MARA, kita ada agensi-agensi lain, bank-bank juga yang turut membantu peniaga-peniaga bumiputera untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah bercakap mengenai masalah arak dan rokok, dan beliau tidak ingin pembangunan di Langkawi ini serupa dengan pembangunan yang terdapat di beberapa kotaraya yang besar yang lain, khususnya

di mana terdapat kegiatan-kegiatan maksiat, seperti Pub, rumah urut dan sebagainya. Dalam hal ini Kerajaan ingin menegaskan bahawa Langkawi tidak mungkin akan menjadi sebuah pusat maksiat sepertimana beberapa tempat yang lain, kerana tarikan utama Langkawi ialah terhadap keindahan semula jadinya, keindahan pantainya, keindahan pemandangannya, bukit-bukaunya, pulau-pulaunya dan oleh kerana itulah ia merupakan tarikan utama pelancong. Kerajaan percaya bahawa Langkawi akan terus dapat dikekalkan sebagai sebuah pusat pelancongan yang bersih daripada kegiatan-kegiatan maksiat. Dalam pada itu, kita ada peruntukan undang-undang, kita ada Pejabat Daerah, kita ada LADA yang memang sentiasa mengawasi pembangunan di Langkawi bagi memastikan aspek nilai dan moral ini akan mampu dipertahankan, walaupun terdapat pembangunan yang pesat di Pulau Langkawi.

Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah bercakap mengenai harga mahal dan beliau menyarankan bukan setakat arak dan rokok sahaja yang bebas daripada cukai, kalau boleh barang-barang lain pun dibebaskan daripada cukai juga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep ataupun definisi "bebas cukai" itu ialah kesemua barang yang dibawa masuk ke Langkawi tidak dikenakan cukai. Walau apa sekali barang tersebut kecuali petroleum atau minyak petrol, di mana kalau kita pergi ke Pulau Langkawi, harga minyak petrol adalah sama dengan harga minyak petrol yang kita bayar di Tanah Besar Semenanjung ini. Lain-lain barang

seperti arak, rokok, kain-baju dan lain-lain barang yang dikenakan cukai, maka tidak dikenakan cukai apabila diperdagangkan di Langkawi. Dengan lain perkataan, bukan sahaja arak dan rokok yang tidak dikenakan cukai, malah lain-lain barangan termasuklah kenderaan umpamanya dapat diperolehi dengan murah di Langkawi. Antara sebab kenapa mungkin setengah barang itu mahal di Langkawi ialah oleh kerana sumbernya ialah daripada Semenanjung, umpamanya barang-barang makanan, ikan, beras dan kadang-kadang barang-barang pakaian. Oleh kerana sumbernya di Semenanjung, waka ada kos pengangkutan yang terlibat dan ini kadangkala menyebabkan barangan di Langkawi itu, kain-baju umpamanya, mungkin tidak banyak beza harga antara barang yang terdapat di Langkawi dengan barang yang terdapat di tanah besar ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mempunyai satu pasukan yang kuat di Langkawi untuk memastikan bahawa harga barang-barang itu sentiasa dapat dipertahankan pada paras yang minimum. Umpamanya dalam masa menganjurkan LIMA '93 baru-baru ini, satu operasi khas telah dilakukan oleh pihak penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, bagi memastikan tidak berlaku kenaikan harga sewenang-wenangnya.

Ini adalah di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan harga barangan di Langkawi itu berpatutan. Kerajaan memandang serius kenaikan harga di Langkawi dan kita sentiasa mengambil tindakan untuk memastikan harga di Langkawi itu berpatutan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah juga membangkitkan tentang pembangunan di lereng-lereng bukit. Antara lain beliau ingin tahu apakah kuasa Kerajaan Persekutuan untuk menahan pembangunan rumah-rumah di lereng-lereng bukit seperti mana yang berlaku di beberapa tempat di kawasan tanah besar.

Untuk ini, ingin dimaklumkan bahawa Langkawi ditadbirkan oleh Pejabat Daerah dan juga LADA (Lembaga Pembangunan Langkawi). Berkaitan dengan projek-projek pembangunan, maka kesemuanya ini memerlukan kelulusan LADA (Lembaga Pembangunan Langkawi) di mana Kerajaan Pusat mempunyai peranan yang agak penting dalam LADA ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Lembaga Pengarah LADA ini, ahli-ahlinya terdapat dua pengerusi bersama iaitu seorang dari Pusat yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan seorang lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah. Dengan itu pembangunan di Langkawi dapat diselaraskan antara kehendak Kerajaan Negeri dengan kehendak Kerajaan Pusat. Oleh hal yang demikian, jika ada perkara-perkara yang difikirkan penting oleh Kerajaan Pusat untuk dilaksanakan di Langkawi memandangkan penyertaan kita yang agak aktif dan memandangkan peruntukan besar yang telah dikeluarkan

oleh Kerajaan Pusat, maka Kerajaan Pusat mempunyai suara atau voice, dengan izin, dalam Lembaga kerana dalam LADA ini terdapat dua orang pengerusi bersama seperti mana yang saya sebutkan tadi iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah dan seorang lagi yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh hal yang demikian, isu-isu seperti pembangunan di lereng-lereng bukit ini kita kira tidak akan menimbulkan masalah. Lagi pun baru-baru ini Kerajaan sudah pun membuat keputusan untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan berkaitan dengan pembangunan di kawasan-kawasan yang merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon juga banyak membangkitkan tentang masalah pemusnahan alam sekitar. Saya ingin merakamkan penghargaan atas saranan beliau kepada Kerajaan agar kita meminimumkan kesan alam sekitar berikutan daripada pembangunan pesat yang berlaku di Langkawi. Sebenarnya, pihak Lembaga Pembangunan Langkawi memang berhati-hati dalam meluluskan projek-projek pembangunan, baik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri mahu pun yang dilaksanakan oleh sektor swasta.

Pihak Lembaga Pembangunan Langkawi memang prihatin terhadap kesan ke atas alam sekitar (environment) ini kerana kita tahu bahawa salah satu daya tarikan utama ke Langkawi ialah alam sekitar yang secara umumnya masih lagi baik, tidak tercemar dan kita perlu mempertahankan keadaan yang baik dan membanggakan ini agar Langkawi akan sentiasa dikunjungi oleh pelancong-pelancong. Dengan itu kita ingin memberi jaminan bahawa pihak LADA akan memastikan setakat mana yang termampu olehnya bahawa pembangunan di Langkawi akan mengambil

kira kesan ke atas alam sekitar seperti mana yang disarankan oleh Dr. Toh Kin Woon.

Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon juga membicarakan tentang inflasi di Langkawi di mana beliau bimbang dengan pembangunan yang pesat harga akan meningkat dengan ketara dan dengan itu menjejaskan taraf hidup penduduk Langkawi. Yang Berhormat Dr. Toh menyarankan agar mereka yang berkhidmat di luar sektor Kerajaan diberi subsidi bagi mengambil kira kenaikan harga ataupun harga yang dikatakan tinggi di Langkawi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada subsidi secara langsung yang kita berikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan, Yang Berhormat Dr. Toh tadi ada menyebut bahawa kemungkinan kakitangan Kerajaan diberi subsidi oleh Kerajaan bagi mengambil kira kos kehidupan di Langkawi. Walaupun setengah-setengah barang mungkin tinggi harganya di Langkawi, ada pula barang-barang di tana harganya rendah. Secara umumnya, jika diambil secara keseluruhan, maka keseluruhannya kos hidup di Langkawi tidaklah jauh berbeza dengan kos hidup di Semenanjung.

Pada masa ini adalah difahamkan bahawa secara tidak langsung bantuan Kerajaan kepada pegawai-pegawai Kerajaan di Langkawi ialah dengan menyediakan quarters ataupun tempat-tempat kediaman dengan sewa yang minimum bagi meringankan beban mereka berikutan kadar sewa rumah yang tinggi di Langkawi. Kerajaan mengambil berat tentang perumahan kakitangan Kerajaan ini dan setakat yang kita tahu kebanyakan daripada pegawai Kerajaan yang bertugas di Langkawi tinggal di quarters. 'Umpamanya, pihak Polis dan Kastam yang bertugas di LADA ataupun di Malaysia Airport dan lain-lain agensi Kerajaan, kebanyakan mereka tinggal di kediaman-kediaman

yang disediakan ataupun dibeli oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Dr. Toh juga menyarankan agar nelayan ataupun pekerja-pekerja lain yang, dengan izin, 'displaced' oleh pembangunan pesat yang berlaku di Langkawi, dilatih semula untuk membolehkan mereka menyertai kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain yang sedang pesat berkembang. Dalam hal ini, ingin ditegaskan bahawa di Langkawi peluang-peluang pekerjaan ini bukanlah sukar hendak dicari. Yang paling banyak ialah dalam bidang perhotelan dan perkhidmatan.

Seperti mana yang kita semua maklum, sebuah hotel iaitu Berjaya Hotel di Langkawi terpaksa mengambil pekerja kira-kira 150 orang dari Albania untuk bertugas di hotel tersebut kerana kekurangan tenaga pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan dalam syarikat tersebut. Oleh hal yang demikian, pada pandangan kita tidak ada masalah bagi para nelayan yang 'displaced' ini untuk mendapatkan pekerjaan. Cuma mereka perlu dilatih dan sekarang ini sudah pun ada sebuah sekolah yang ditubuhkan oleh pihak KUB - sekolah latihan dalam bidang pelancongan. Difahamkan sekolah ini mendapat sambutan yang baik dan graduan daripada sekolah ini sudah pasti akan dapat memenuhi permintaan daripada industri perhotelan bukan sahaja di Langkawi tetapi juga kawasan-kawasan lain di Malaysia ini.

Yang Berhormat Dr. Toh menyarankan agar Langkawi tidak semata-mata dijadikan 'resort centre' ataupun pusat peranginan. Beliau menyarankan mungkin Langkawi boleh dijadikan sebagai pusat 'recuperation' di mana mereka yang baru sahaja pulih daripada sakit ataupun mereka yang ingin menghabiskan umur tua mereka dapat tinggal

di Langkawi. Adalah difahamkan bahawa beberapa buah syarikat telah pun mengemukakan cadangan kepada pihak LADA bagi menubuhkan pusat seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon dalam erti kata pusat-pusat yang memberi penekanan kepada penduduk tua yang ingin menghabiskan masa umur lanjutnya di Langkawi dan juga mungkin bagi mereka yang ingin berehat setelah menjalani proses perubatan yang panjang. Itulah antara perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

Yang Berhormat Puan Kian Sit Har, telah saya jawab beberapa perkara dan beliau menyarankan agar Menteri-menteri mencontohi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan kawasan masing-masing. Saya percaya memang inilah yang dijalankan oleh Menteri-menteri kita dalam usaha untuk membangunkan bukan sahaja kawasan-kawasan mereka tetapi negara Malaysia amaya.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba akhirnya membangkitkan beberapa perkara. Yang pertama beliau berharap agar Pengurus Besar ini bukan sahaja diberikan tanggungjawab tetapi kuasa yang sewajarnya. Beliau berkata tidak memadai jika nama sahaja ditukar daripada "Pengurus" kepada "Pengurus Besar", yang lebih penting tanggungjawab yang ada kepada Pengurus Besar itu juga disertai dengan kuasa yang memadai untuk membolehkan Pengurus Besar menjalankan tugas dengan sempurna dan dengan baik.

Dalam hal ini ingin ditegaskan bahawa memang Pengurus Besar sebagai Ketua Eksekutif LADA mempunyai kuasa-kuasa tertentu sepertimana yang ditegaskan tertakluk kepada Akta Pembangunan Langkawi. Sepertimana kita tahu bahawa kebanyakan Lembaga bermesyuarat kadang-kadang dua bulan sekali, kadang-kadang sebulan sekali. Dalam kes Lembaga Pembangunan Langkawi ini pada umumnya mesyuarat diadakan tiap-tiap bulan sekali dan pada hari-hari lainnya maka Pengurus Besarlah yang melaksanakan keputusan-keputusan Lembaga Pengarah.

Oleh hal yang demikian, kuasa Pengurus Besar tidaklah tersekat walaupun ada hadnya sepertimana lazim dalam mana-mana jua agensi maka ada had kuasa Pengurus Besar tetapi pada pandangan Kerajaan,

Pengurus Besar mempunyai kuasa yang secukupnya untuk menjamin bahawa pembangunan di Langkawi itu dapat berjalan dengan baik dan dengan sempurna.

Mengenai keperluan mengemukakan laporan kepada agensi-agensi pusat, ingin saya maklumkan bahawa LADA ini bertanggungjawab kepada Kementerian Kewangan, tidak banyak laporan yang perlu dikemukakan oleh LADA hanya laporan yang perlu dibuat hanyalah kepada Kementerian Kewangan dan juga kepada Kerajaan Negeri Kedah. Dan ini tidaklah membebaskan LADA dari segi pentadbirannya.

Yang kedua, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba berkaitan dengan itu berharap agar Pengurus Besar ini tidak terikat, tidak dibebankan dengan peruntukan peraturan-peraturan Kerajaan. Beliau menyebut contoh Perwaja di mana daripada seorang yang dipinjamkan daripada perkhidmatan Kerajaan apabila ditukar kepada seorang korporat, maka kuasa yang ada kepada Ketua Eksekutif Perwaja itu lebih besar daripada kuasa yang ada kepada Ketua Eksekutif yang dipinjamkan daripada perkhidmatan Kerajaan. Dalam hal ini, ingin dijelaskan bahawa perjalanan LADA adalah memuaskan, tidak ada kerja-kerja yang terjejas. Hakikat bahawa Langkawi sedang pesat berkembang, dengan sendirinya menunjukkan, membuktikan adalah manifestasi bahawa peraturan-peraturan yang ada tidaklah terlalu ketat sehingga mengongkong tindakan Pengurus Besar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba berharap agar LADA menjadi pembimbing dan bukan pesaing kepada bumiputera di Langkawi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas utama LADA di Langkawi ialah untuk menyelaraskan program-program pembangunan, projek-projek pembangunan, ia bukan seperti setengah badan-badan ataupun agensi yang lain terlibat dalam perniagaan seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri yang mana pandangan ini sering kali disuarakan iaitu ada di antara PKNK ini yang bersaing dengan peniaga bumiputera. LADA ini bentuk organisasinya tidak serupa dengan SEDC ataupun PKNK. Dan oleh hal yang demikian, tidak ada persaingan di antara LADA dengan pengusaha-pengusaha bumiputera.

Dalam pada itu, ingin dimaklumkan bahawa LADA terlibat dalam perusahaan feri di antara Kuah dengan Kuala Perlis dan tempat-tempat lain, ini adalah bagi menampung keperluan pengangkutan yang kian meningkat, yang tidak mampu dibuat oleh sektor swasta dan dengan penglibatan LADA dalam perkhidmatan feri ini adalah difahamkan bahawa tahap perkhidmatan ataupun, dengan izin, standard of service, telah meningkat dengan ketara dan dengan itu dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada para pelancong.

Itulah sahaja penglibatan LADA dalam perniagaan, penglibatan yang minimum, yang lainnya tugas utama LADA ialah untuk menyelaraskan pembangunan di Langkawi khususnya untuk mengawasi pelaksanaan projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan juga

untuk menilai serta mengawasi projek-projek yang dilaksanakan oleh sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba juga ada membangkitkan tentang kain batik. Memang di Malaysia, kain batik merupakan barang larangan. Tetapi mengikut fahaman saya, apa jua barang yang boleh dijual di Langkawi, duty free, yang tidak boleh dibuat ialah untuk membawa masuk kain batik itu ke tanah besar itu yang dilarang. Larangan itu bermaksud membawa masuk kain batik Indonesia ke mana-mana ataupun sumber yang lain ke tanah besar Semenanjung ini - itu dilarang. Yang dibolehkan ialah menjual kain batik kepada Orang Putih, umpamanya, ataupun orang Jepun yang hendak keluar daripada Langkawi dan hendak balik ke Jepun, maka itulah terdapat kain-kain batik di Langkawi. Dalam pada itu, kita tidak mempertikaikan hakikat bahawa terdapat penyelewengan dalam perkara ini di mana kita tahu kadang-kadang ada penyeludupan kain batik ke tanah besar Semenanjung ini.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Rahim juga membicarakan tentang longgokan barang murah. Beliau tidak mahu Langkawi dijadikan pusat untuk melonggokkan barang-barang murah tidak berkualiti ataupun barang tiruan. Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dari masa ke semasa menjalankan pengawasan bagi memastikan perkara ini tidak berlaku, dalam erti kata barang-barang jenama yang dijual di Langkawi itu, diawasi bagi

memastikan barangan itu genuine dan kalau tidak genuine maka harganya hendaklah setimpal dengan kualiti barangan tersebut.

Akhir sekali, Yang Berhormat Tuan Rahim mencadangkan agar Pulau Pangkor juga dijadikan sebagai pulau bebas cukai. Konsep bebas cukai ini adalah satu konsep yang bukan baru di negara kita, sepertimana yang Ahli Yang Berhormat tahu, satu masa dahulu Pulau Pinang merupakan sebuah kawasan ataupun pulau bebas cukai. Pada pandangan Kerajaan, kita sudah ada cukup kawasan-kawasan bebas cukai di negara kita, antara pertimbangan utama sebelum Kerajaan meluluskan, umpamanya, Langkawi dan Labuan ialah untuk memajukan pelancongan, di segi kawalannya senang, tidak menimbulkan masalah, kawasan tersebut berhampiran dengan sempadan, tempat-tempat kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim umpamanya Pengkalan Kubur dan Bukit Kayu Hitam merupakan kawasan-kawasan sempadan. Tujuan Kerajaan menubuhkan kawasan-kawasan bebas cukai di Bukit Kayu Hitam dan Pengkalan Kubur umpamanya ialah untuk menyenangkan pelancong-pelancong.

Apabila mereka hendak keluar daripada Malaysia mereka boleh membeli dan membawa terus keluar. Tetapi sekiranya suatu kawasan bebas cukai itu terletak di tengah-tengah negara kita, umpamanya di Pulau Pangkor, maka ini akan menimbulkan masalah di segi kawalan Kastam kerana pengunjung ke Pulau Pangkor terpaksa melalui kawasan-kawasan di Semenanjung yang mana jika barang tersebut digunakan,

akan dikenakan cukai, Jika kawasan terletak di sempadan umpamanya di Bukit Kayu Hitam dan Rantau Panjang, maka di segi kawalannya senang kerana pelancong-pelancong akan membeli barang-barang itu apabila mereka hampir mahu keluar daripada Malaysia dan dengan itu tidak menimbulkan masalah ataupun mereka datang semata-mata untuk membeli barang di Bukit Kayu Hitam dan juga Pengkalan Kubur. Ini juga tidak akan menimbulkan masalah kepada Kastam dan pihak-pihak lain yang berkenaan.

Oleh itu, Kerajaan berpendapat bahawa adalah tidak sesuai Pulau Pangkor dijadikan sebagai sebuah pulau bebas cukai sepertimana taraf yang diberikan kepada Langkawi dan juga Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja secara ringkas perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada kelima-lima Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Tang di-Pertua: Ahli-ahli

saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa,

Dewan bersidang sebagai. Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SARAAAN HAKIM (PINDAAN) 1993**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.54 ptg.

Menteri di-Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang

[Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibentangkan untuk bacaan kali kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada Akta Saraan Hakim 1971 adalah untuk

memasukkan perkara mengenai saraan Pesuruhjaya Kehakiman ke dalam Akta Saraan Hakim 1971. Pada masa ini, saraan Pesuruhjaya Kehakiman ditentukan oleh Kerajaan dalam surat perlantikan seseorang Pesuruhjaya Kehakiman. Kerajaan telah meluluskan saraan baru Pesuruhjaya Kehakiman berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1992. Oleh itu adalah wajar saraan Pesuruhjaya Kehakiman juga dimasukkan dalam Akta Saraan Hakim 1971 dengan meminda seksyen 19 Akta berkenaan.

Seterusnya pindaan juga dicadang dibuat bagi membolehkan seseorang Hakim yang belum mencapai umur 50 tahun meletak jawatan dan menerima perlantikan lain atas kepentingan negara tanpa hilang kemudahan pensen dan lain-lain seperti yang layak diterima oleh seseorang pegawai dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan adalah merangkumi Seksyen 5 Akta tersebut bagi membolehkan tempoh perkhidmatan seseorang Hakim yang berkhidmat dalam jawatan lain atas kepentingan negara boleh diambil kira sebagai tempoh perkhidmatannya sebagai Hakim.

Pindaan juga dibuat bagi mewujudkan seksyen baru 8C untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong menghendaki seseorang Hakim berkhidmat dalam jawatan lain atas kepentingan negara.

Akhir sekali, pindaan dicadangkan ke atas seksyen 12 Akta tersebut bagi membolehkan seorang Hakim yang berkhidmat dalam jawatan lain menurut Seksyen 8C yang dicadangkan itu menerima pensen dan gratvitinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Saraan Hakim 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Datuk Haji Mohamed Nazri.

4.56 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1993. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi sedikit pandangan berkenaan dengan 'code of ethics' yang dikenakan kepada hakim-hakim yang dilantik menjadi hakim. Saya lihat daripada saraan yang telah diberikan kepada hakim, jumlahnya memanglah begitu lumayan. Malah kalau saya tahu, saya patut pilih bidang ini. Saya tengok gaji, elaun - RM15,000 kesemuanya. Elaun dan keistimewaan yang tidak disebut, tetapi disebut nombor-nombornya ada hampir 14 peruntukan-peruntukan tertentu yang mana keistimewaannya diberi. Yang kita tidak tahu di sini mungkin kemudahan kereta dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat belum terlambat. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, kita memahami bahawa hakim-hakim perlu diberikan gaji yang lumayan kerana sedikit-sebanyak hakim dalam negara kita ini terpaksa hidup terasing untuk mengelakkan mereka daripada ada pertalian dan hubungan berkenaan dengan perkara-perkara tertentu, yang kemungkinan kalau mereka mempunyai pandangan dalam perkara itu, sudah tentu orang tidak yakin

kalau sekiranya mereka berdiri di hadapan seorang hakim yang sudah pun nyata secara rasmi pandangannya terhadap isu-isu yang tertentu.

Sebab itu saya rasa oleh kerana hakim ini diletakkan di satu peringkat, yang mana dalam masyarakat negara kita, hakim ini masih lagi merupakan orang yang dihormati oleh masyarakat, maka saya rasa saraan yang diberi yang begitu lumayan, adalah kena pada tempatnya. Apatah lagi bahawa kita tidak mahu hakim ini terlibat dengan politik

bukan sahaja terlibat, mempunyai pandangan dalam isu politik, itu pun; dia tidak boleh menyatakan secara umum dia punya mirip dan pandangannya dalam isu-isu politik yang tertentu. Begitu juga dengan perniagaan. Dia tidak boleh mempunyai hubungan dalam perniagaan secara langsung dan tidak langsung, kerana seseorang itu apabila dia masuk dalam mahkamah, dia harus merasakan bahawa dia mendapat satu perbicaraan yang adil, yang mana hakim itu tidak diketahui tentang pandangan. dia berkenaan dengan isu-isu yang tertentu. Jadi, sebab itu, saraan yang lumayan ini memang patut diberikan kepada hakim-hakim ini.

Soalnya saya hendak bertanya di sini, apakah "code of ethics" ini yang kita kenakan kepada hakim, apakah ianya hanya dikuatkuasakan waktu dan ketika semasa dia di bawah penggajian menjadi seorang hakim? Maksud saya di sini, iaitu apakah seseorang hakim itu apabila dia bersara, maka segala 'code of ethics' yang dikenakan kepada dia di waktu dia belum bersara, maka 'code of ethics' ini mesti juga diakur oleh hakim-hakim setelah dia bersara?

Sebab saya bertanya ini kerana dewasa ini saya tengok, di waktu hakim sedang dalam, dengan izin, 'employment', dia memang akur kepada 'code of ethics'. Tetapi apabila dia bersara, segala 'code of ethics' yang sekian lama dia akur dan dia jaga, dilempar begitu sahaja. Kita lihat bahawa dewasa ini ada hakim-hakim yang bersara memegang jawatan yang begitu tinggi, telah melibatkan diri mereka dalam bidang politik yang mana sepatutnya mereka juga tidak boleh melibatkan diri seperti masa semasa dia menjadi hakim dahulu.

Saya rasa bahawa 'code of ethics' ini seharusnya bukan dikenakan kepada hakim di waktu dan ketika dia menjadi hakim. Apabila dia bersara sekali pun, dia mesti dikenakan syarat ini. Sebab saya percaya apabila kita berbincang tentang saraan hakim, sudah tentu kita sebut tentang pencennya. Oleh kerana itu, saya rasa dalam Akta ini juga kita seharusnya memikirkan untuk mengenakan 'code of ethic' ini juga kepada hakim yang sudah bersara. Kerana dia masih lagi merupakan orang yang berpengaruh dalam masyarakat kita. Cuba bayangkan bahawa seorang hakim yang selama 30 tahun dia menjadi hakim, orang menghormati dia, apabila dia bersara, dia melibatkan pula dirinya dalam politik, memberi pandangan dan memihak kepada sebelah pihak yang lain. Ini sudah tentu sedikit-sebanyak, walaupun dia tidak betul dalam pandangan politiknya, tetapi pengaruh dia sebagai hakim, tidak mati apabila dia bersara dari menjadi hakim.

Pengaruh ,dia masih ada lagi, dan ini tidak adil kepada masyarakat kerana sebagai hakim, apabila dia mengangkat sumpah- untuk menjadi hakim, dia seharusnya menjadi 'apolitical' sampai dia mati. Sebab saraan dia merangkumi wang yang diberikan kepada dia selepas dia sudah pencen. Sesudah berhenti, dia masih ada pencen lagi.

Sebab itu pandangan saya di sini, sekiranya ada hakim-hakim yang telah bersara yang selepas bersara melibatkan diri dalam politik, maka sesuatu harus dilakukan kerana. dia telah melanggar 'code of ethics'¹ yang telah dikenakan kepada dia semasa dia menerima tauliah yang pertama untuk menjadi seorang hakim, sebab 'once a judge is always a judge in the minds of the people' , dengan izin. Sebab bila disebut 'hakim', imej dia itu dibawa sampai dia mati. Sudah tentu orang akan terpengaruh kalau seorang hakim memihak kepada satu pihak dalam isu-isu yang tidak ada kena-mengena dengan soal kehakiman, seperti politik, perniagaan dan sebagainya.

Kita sudah jaga dia cukup baik. Saya percaya pencen dia pun lumayan juga. Kalau gaji dia RM8,100, dia dapat pencen setengah daripada itu, iaitu RM4,050. Saya rasa itu lumayan bagi orang yang sudah berpencen mendapat RM4,050. Itu satu pencen.yang lumayan di mana orang yang bekerja pun, bukan berpencen, gaji-dia pun tidak sampai RM4,000 lebih. Sebab itu saya rasa bahawa 'code of ethics' yang dikenakan kepada hakim di waktu dia menjadi hakim mesti juga dikenakan di waktu dia bersara. Kalau dia menyeleweng daripada 'code of ethics' itu, maka kita harus mengambil tindakan untuk

memberhentikan pencen ataupun memberhentikan apa juga keistimewaan yang telah diberikan kepada mereka setelah mereka bersara. Sebab mereka masih lagi merupakan orang yang berpengaruh dan boleh mempengaruhi masyarakat di atas keputusan yang dibuat oleh mereka. Saya berat hendak mengatakan di sini iaitu 'code of ethics' yang dikenakan kepada hakim yang sedang bekerja harus juga dikenakan kepada mereka di waktu mereka bersara di masa akan datang.

Saya percaya, apa yang saya sebut ini bukanlah cakapan kosong, tetapi kita sudah melihat bagaimana dua orang bekas hakim yang semasa mereka menjadi hakim, mereka langsung tidak mengeluarkan pandangan mereka, tetapi apabila mereka sudah tidak jadi hakim, mungkin marah dan sebagainya - seorang itu bekas 'Lord President' iaitu Tun Suffian dan seorang lagi Tun Salleh Abas - sekarang memilih untuk melibatkan diri dalam politik dan mengancam Kerajaan kita pada hari ini. Mana-mana hakim lain yang bersara, kita tidak galakkan pun dia masuk politik untuk menyokong kita - tidak ada. Saya ingat Barisan Nasional hendak cukup jaga hal ini supaya 'code of ethics' yang dikenakan kepada hakim waktu dia bekerja mesti juga dikenakan kepada mereka waktu mereka bersara;

Jadi, saya minta supaya Kementerian menjawab pertanyaan dan kemusykilan saya di sini dan sekiranya 'code of ethics' ini hanya dikenakan kepada hakim di waktu dia bekerja dan tidak di waktu dia bersara, maka saya ingin mencadangkan supaya difikirkan agar 'code of ethics' ini dikenakan juga kepada hakim yang telah bersara.

Maka dengan pandangan itu, saya sekali lagi menyatakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang Akta Saraan Hakim (pindaan) 1993.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Satu, dua, tiga. [Ketawa] Jadi, nampaknya tidak ada pembahas lain. Saya dengan hormatnya menjemput Menteri Kehakiman menjawab.

5.06 ptg.

Menteri di. Jabatan Perdana Menteri-dan-Menteri Undang-undang [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Nazri yang telah membincang dan menyokong Akta Pindaan Saraan Hakim ini dan saya prihatin tentang perkara-perkara yang beliau sebutkan berkenaan etika dan perilaku hakim semasa bertugas dan kedudukan mereka di dalam masyarakat yang dipandang begitu tinggi dan dihormati.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kod etika yang kita kenakan ialah untuk hakim-hakim menjaga nama baik dan kehormatan jawatan ,dan ada kemungkinan bahawa satu kod etika yang lengkap bagi hakim-hakim akan diadakan dan dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk dijadikan salah satu perkara yang membolehkan tindakan diambil semasa hakim itu masih bekerja, jika kelakuannya atau perilakunya bertentangan dengan kod etika tersebut.

Tentang perkara untuk mengenakan seorang hakim setelah bersara juga untuk beliau mengikut kedudukannya semasa beliau bekerja iaitu

tidak terlibat di dalam politik atau mempunyai pandangan dalam politik, ini tidak dapat dilaksanakan oleh kerana apabila seseorang hakim itu telah bersara, maka beliau kembali menjadi rakyat biasa dan hanya kita harap, pengalaman dan kedudukan semasa menjadi hakim akan mempengaruhinya apabila mereka bersara. Ini bukan satu-perkara yang luar biasa, banyak negara-negara di mana hakim setelah bersara tetap berkelakuan sebagai hakim dan tidak terlibat dalam perkara-perkara yang boleh menjatuhkan nama, imej dan pekerti hakim itu sendiri.

Memanglah kalau difikirkan, kita tidak berasa senang melihat ada hakim-hakim yang telah bersara seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Nazri tadi yang telah memberikan pandangan dan terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung di dalam politik kepartian. Tetapi buat masa ini, oleh kerana kekuatan Kerajaan Barisan Nasional dengan dasar-dasar kita, kedua-dua hakim ini tidak dapat mempengaruhi pemikiran rakyat dan alhamdulillah, walaupun mereka mencuba untuk memberi gambaran-gambaran tertentu, ia tidak menjejaskan kedudukan Kerajaan dan parti. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan ini dan pada saya pengaruh hakim itu tidak dapat menyentuh ataupun menjejaskan kedudukan Kerajaan pada masa ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pencen yang diterimanya adalah ganjaran dari apa yang sudah dilakukan. Jadi, kalau kita mengambil kira soal pencen ini, ia adalah kerana perkhidmatan yang

telah diberikan sebagai Yang Berhormat sedia maklum. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya katakan tadi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat tersebut dan kita akan sentiasa menyarankan kepada pihak yang memegang jawatan tertinggi dan dihormati sebagai salah satu cabang Kerajaan, apabila mereka bersara, mereka akan terus menentukan kehormatan jawatan yang pernah mereka pegang dapat terjamin. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWAHGAH (NO.2) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**5.10 ptg.**

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya. Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Setem 1949 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa membentangkan Belanjawan 1994 baru-baru ini. Izinkan saya memberi sedikit penjelasan tentang beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Bab I Rang Undang-undang adalah mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja. Bab II adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 bertujuan meminda takrif 'approved scheme' di bawah seksyen 2 Akta untuk memasukkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Tujuan pindaan ini ialah untuk membolehkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP terus menikmati pengecualian cukai yang diberi kepadanya. Pengecualian cukai yang dinikmati oleh KWSP tidak dapat diteruskan setelah Akta KWSP dipinda ada tahun 1991. Pindaan kepada Akta tersebut telah menjadikan KWSP tidak layak mendapat taraf skim diluluskan atau 'approved scheme:

Oleh hal yang demikian, pindaan ini perlu untuk mengekalkan pengecualian cukai yang dinikmati oleh KWSP sebelum pindaan kepada Aktanya.

Pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, seorang pembayar cukai yang mempunyai pendapatan bercukai RM10,000 dah ke bawah layak mendapat rebat sebanyak RM60 bagi dirinya sendiri dan RM30 bagi isteri.

Fasal 5 bertujuan meminda subseksyen 6A(2) untuk menambahkan rebat yang dibenarkan kepada individu kepada RM90 dan bagi isteri dinaikkan kepada RM50. Pindaan ini memberi faedah kepada golongan berpendapatan rendah dan akan menjadikan sistem cukai pendapatan individu Lebih progresif lagi. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari Tahun Taksiran 1994.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1993, kadar caruman wajib untuk majikan kepada KWSP telah dinaikkan daripada 11% kepada 12%. Selaras dengan pindaan ini, Fasal 6(a) bertujuan meminda perenggan (a) subseksyen 34(4) dengan menambahkan jumlah sumbangan maksimum majikan yang dibenarkan untuk tujuan pengiraan pendapatan larasan daripada 15% kepada 16% pendapatan pekerja. Pindaan ini dijangka menggalakkan majikan memberi sumbangan yang lebih kepada KWSP dan seterusnya meningkatkan tabungan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan pembangunan masyarakat yang berilmu dan berbudaya membaca, Fasal 6(b) bertujuan meminda subseksyen 34(6) dengan memasukkan perenggan baru' Laitu "(g)" untuk membenarkan potongan bagi perbelanjaan berhubung dengan penyediaan kemudahan Perpustakaan Awam dan sumbangan kepada Perpustakaan Awam dan perpustakaan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Amaun

yang dibenarkan sebagai potongan adalah terhad kepada RM100,000 sahaja.

Bagi menggalakkan majikan menyediakan beberapa kemudahan untuk kebajikan pekerja-pekerjanya, Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 44 Akta untuk memberi potongan dua kali ganda berkenaan dengan derma yang dibuat dalam tempoh 1 November, 1993 hingga 31 Januari, 1994 kepada Kumpulan Wang Rumah Kos Rendah Kerajaan yang diuruskan oleh Bank Negara.

Fasal ini juga bertujuan memasukkan organisasi yang ditubuhkan bagi pemuliharaan alam sekitar sebagai "organisation" di bawah subseksyen 44(7). Dengan pindaan ini, sumbangan yang dibuat kepada organisasi ini oleh pembayar cukai dibenarkan sebagai potongan bagi tujuan cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah menggalak pengajian tinggi dalam negeri, Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 48 untuk menambahkan pelepasan cukai berhubung dengan anak yang menerima pendidikan di universiti atau institusi pendidikan tinggi di Malaysia daripada sekali kepada empat kali ganda pelepasan biasa.

Seterusnya, pelepasan cukai berkenaan dengan anak yang menerima pendidikan di institusi yang seumpamanya di luar Malaysia dikurangkan daripada maksimum sebanyak empat kali ganda kepada dua kali ganda pelepasan biasa. Fasal ini memperuntukkan bahawa bagi pelajar-pelajar yang telah memulakan pendidikan sedemikian di luar Malaysia dalam tahun kalendar 1993 atau mana-mana tahun kalendar terdahulu, potongan maksimum sebanyak empat kali ganda pelepasan biasa adalah dikekalkan.

Bagi pemastautin Malaysia Timur, pelepasan cukai sehingga empat kali ganda pelepasan biasa berkenaan dengan anak yang telah memulakan pendidikan Malaysia Barat dalam tahun kalendar 1993 atau dalam mana-mana tahun kalendar terdahulu adalah diteruskan.

Pada masa ini, had maksimum pelepasan cukai bagi caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan yang diluluskan dan premium insurans atau takaful ialah RM3,500. Sebagai langkah menggalakkan tabungan serta perkembangan industri insurans atau takaful, Fasal 10(b) dan (c) bertujuan meminda subseksyen 49(1) dan (1A) untuk menambahkan pelepasan cukai bagi sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan yang diluluskan dan bayaran premium insurans nyawa daripada RM3,500 kepada RM5,000.

Tuan Yang di-pertua, mengikut subseksyen 60D(5), sesebuah syarikat dianggap sebagai syarikat modal teroka atau "venture capital company" sekiranya antara lain syarikat tersebut melabur 100% dalam projek yang berisiko tinggi dan berteknologi baru. Syarat ini adalah terlalu ketat untuk membolehkan syarikat menikmati galakan yang disediakan.

Dengan itu, Fasal 12 bertujuan meminda takrif "venture capital company" dengan mensyaratkan syarikat sedemikian melabur sekurang-kurangnya 70% daripada pelaburan dalam projek berisiko tinggi dan teknologi baru.

Fasal 13(c) bertujuan meminda takrif "qualifying services"; dengati izin, dalam subseksyen 60E(7) untuk membenarkan suatu "approved operational headquarters company" mengadakan perkhidmatan pengurusan perbendaharaan dan kumpulan wang untuk syarikat yang

berhubungan dengannya dan pejabatnya di luar Malaysia dan mengadakan kemudahan kredit daripada kumpulan wang yang dipinjam dari luar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan di bawah Fasal 15, 16 dan 26 adalah selaras dengan cadangan Belanjawan untuk mengurangkan kadar cukai syarikat daripada 34% kepada 32% mulai tahun taksiran 1994.

Fasal 15 bertujuan meminda Seksyen 108 dengan memasukkan subseksyen baru (2C) yang memperuntukkan bahawa cukai pada kadar 32% akan disifatkan telah dipotong daripada dividen yang diterima oleh pemegang saham dalam tahun 1993, sementara potongan cukai berkenaan dengan dividen yang dibayar oleh syarikat-syarikat dalam tahun 1993 bagi maksud subseksyen 108(4) hendaklah pada kadar 32%.

Fasal 16 pula bertujuan meminda Seksyen 110 untuk memperuntukkan bahawa cukai yang boleh dipotong daripada dividen dalam tahun 1993 yang dibenarkan bagi pemegang saham bagi tahun Taksiran 1994 hendaklah disifatkan sebagai pada kadar 32%.

Fasal 26 bertujuan meminda perenggan 2, Bahagian I, Jadual 1 kepada Akta untuk mengurangkan kadar cukai pendapatan dari 34% kepada 32% berkenaan dengan syarikat bukan pemastautin badan amanah, seorang penerima dan wasi bagi seseorang individu yang pada masa kematiannya bermastautin di luar Malaysia.

Fasal 17 hingga 25 bertujuan menambahkan penalti yang diperuntukkan dalam seksyen 112 hingga 120 untuk memastikan pematuhan yang lebih baik kepada peruntukan Akta. Pindaan ini akan berkuatkuasa dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, perbelanjaan majikan untuk membina atau menyediakan tempat kediaman kepada pekerjanya adalah tidak layak menuntut sebarang elaun modal. Demi menjaga kebajikan pekerja dan mengatasi masalah perumahan yang dihadapi sekarang, Fasal 27 bertujuan meminda Jadual 3 kepada Akta untuk mengadakan peruntukan bagi elaun bangunan khas untuk diberi berkenaan dengan tempat tinggal yang diadakan oleh orang yang menjalankan perniagaan pengilangan untuk pekerja bukan pengurusan, bukan pentadbiran dan bukan kerani. Elaun bangunan khas juga akan diberi untuk kemudahan penjagaan kanak-kanak yang diadakan oleh majikan. Elaun bangunan khas ini adalah dalam bentuk potongan sebanyak 1/10 daripada perbelanjaan tersebut setiap tahun selama sepuluh tahun.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha memperteguhkan asas pembinaan dan pengembangan proses memperkayakan jiwa bangsa, Fasal 28(b) dan (c) bertujuan meminda Jadual 6 Akta untuk menambahkan pengecualian berkenaan dengan pendapatan yang didapati oleh penulis dan artis kepada RM20,000 dan berkenaan dengan pendapatan yang didapati oleh penterjemah dan penggubah muzik kepada RM12,000.

Fasal 28(d) bertujuan mengecualikan pendapatan berkenaan dengan Bon Simpanan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, galakan Elaun Pelaburan Semula (EPS) akan tamat pada 31hb Disember, 1995. Kadarnya ialah 40% bagi syarikat besar dan 50% bagi syarikat kecil. EPS diberi kepada syarikat pengilangan yang menjalankan aktiviti pembesaran, pemodenan dan pelbagaian. Sebagai langkah menggalakkan syarikat yang sedang beroperasi merancang dan menambah pelaburan.

Fasal 29 bertujuan meminda Jadual 7A kepada Akta dengan menambahkan Elaun Pelaburan Semula daripada 40% kepada 50% bagi syarikat besar dan elaun ini dilanjutkan kepada suatu tempoh yang tidak ditetapkan selepas 31hb Disember, 1995.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III merupakan pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Fasal 31 bertujuan memasukkan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand sebagai orang yang boleh dikenakan cukai.

Fasal 34(b) pula bertujuan mengurangkan kadar cukai pendapatan petroleum daripada 45% kepada 40% dan menyatakan kadar-kadar cukai tertentu berkenaan dengan pendapatan yang diperolehi daripada operasi petroleum di Kawasan Pembangunan Bersama.

Fasal 35 bertujuan mengadakan satu peruntukan baru iaitu Seksyen 5B bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi pengecualian cukai mengenai dengan apa-apa perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan dan Kerajaan negara asing berhubung dengan aktiviti petroleum hulu di kawasan yang bertindih.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV ialah pindaan kepada Akta Setem 1949. Fasal 39 bertujuan meminda perenggan 9(1)(c) Akta dengan menambah dua tarikh pembayaran duti yang telah dikompaun yang sedia ada kepada empat tarikh pembayaran. Tempoh untuk pembayaran tanpa melakukan Liabiliti tambahan telah dilanjutkan daripada lapan hari kepada empat belas hari selepas hari pertama.

Fasal 40 pula bertujuan meminda Seksyen 30 Akta untuk memberi kuasa kepada Menteri mengurangkan atau meremitkan amaun tambahan yang kena dibayar sebagai akibat kegagalan atau kelewatan membayar duti yang telah dikompaun.

Fasal 41 pula bertujuan menghapuskan duti setem yang kena dibayar atas sijil saham dengan memotong butiran 70 Jadual Pertama kepada Akta. Pindaan-pindaan lain Tuan Yang di-Pertua, merupakan pindaan kecil atau berbangkit yang dibuat untuk melengkapkan lagi undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Setem 1949 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

5.25 ptg.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Setem 1949.

Tuan Yang di-Pertua, adanya beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan berkait dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan ke Dewan yang mulia ini. Yang pertama ialah berkait dengan sumbangan kepada perpustakaan-perpustakaan awam dan perpustakaan-perpustakaan di universiti-universiti dan sekolah-sekolah yang kini boleh dipotong daripada pendapatan untuk mendapatkan pendapatan kena cukai dan sumbangan yang boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan ini dihadkan kepada amaun RM100,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa langkah ini memang berpatutan dan munasabah kerana dengan adanya peruntukan sedemikian dalam Akta Cukai Pendapatan, maka ini akan menggalakkan lebih ramai membuat sumbangan kepada perpustakaan-perpustakaan dan seterusnya akan menggalakkan tabiat membaca di kalangan orang ramai. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sumbangan ini tidaklah hanya terhad kepada sumbangan untuk perpustakaan-perpustakaan awam dan perpustakaan-perpustakaan yang ditubuhkan di universiti-universiti dan sekolah-sekolah yang dihakmiliki atau yang ditubuhkan oleh Kerajaan sahaja.

Buat masa ini kita dapati adanya banyak maktab-maktab dan institusi-institusi pendidikan swasta yang tidak memiliki perpustakaan yang lengkap dengan buku-buku rujukan. Oleh yang demikian, ramai pelajar-pelajar yang menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi swasta ini dinafikan peluang untuk membuat rujukan kepada buku-buku di perpustakaan yang lengkap.

Jadi, supaya menggalakkan orang-orang membuat sumbangan kepada perpustakaan-perpustakaan di institusi-institusi pengajian tinggi di sektor swasta, saya berharap peruntukan ini adalah juga boleh diaplikasikan kepada sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh institusi-institusi ataupun orang perseorangan bagi memperkembangkan lagi perpustakaan-perpustakaan di institusi-institusi pengajian tinggi di sektor swasta dan tidak hanya setakat untuk institusi-institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan oleh Kerajaan sahaja.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya dapati amaun RM100,000 ini bukanlah banyak sangat lebih-lebih lagi ekoran daripada masalah inflasi, harga buku telah meningkat beberapa kali ganda. Jadi, RM100,000 ini tidaklah dapat membeli buku yang banyak sangat khasnya untuk perpustakaan yang mesti mempunyai suatu koleksi yang besar.

Oleh yang demikian, saya ada dua harapan. Satu, saya berharap peruntukan ini meliputi juga sumbangan yang dibuat bagi memperbesar-kan perpustakaan-perpustakaan di institusi-institusi pengajian tinggi swasta dan saya berharap amaun ini dapat dipertingkatkan lagi

supaya lebih menggalakkan orang perseorangan dan institusi-institusi membuat sumbangan yang lebih besar lagi untuk memperkembangkan perpustakaan-perpustakaan dan dengan cara yang demikian menggalakkan penuntut-penuntut sering melawat perpustakaan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adalah berkait dengan perbelanjaan ke atas pendidikan di seberang laut yang boleh dipotong daripada pendapatan untuk mendapatkan pendapatan kena cukai. Dengan adanya pindaan yang diumumkan dalam Belanjawan 1994, saya difahamkan bahawa perbelanjaan ke atas pendidikan di seberang laut yang boleh dipotong, kini dikurangkan. Tujuannya mungkin adalah menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka belajar atau menuntut di insituti-institusi pengajian tinggi tempatan. Sebenarnya, saya tidak ada apa-apa bangkangan terhadap langkah menggalakkan lebih ramai ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, Tetapi buat masa ini saya tidak begitu yakin bahawa kapasiti untuk menampung semua yang mahu menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi adalah memadai.

Oleh kerana institusi-institusi pengajian tinggi tempatan tidak mempunyai keupayaan yang memadai, ramai di antara pelajar-pelajar yang layak dan yang mahu menuntut di universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan ini tidak diberikan tempat. Maka mereka terpaksa dihantar oleh ibu bapa ke seberang laut.

Jadi, oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan dapat mempertimbangkan semula langkah untuk mengurangkan perbelanjaan ke atas pendidikan di seberang laut yang boleh dipotong daripada pendapatan untuk mendapatkan kurangan pendapatan kena cukai. Ini adalah kerana ramai di antara ibu-bapa dipaksa oleh keadaan untuk menghantar anak-anak mereka ke seberang laut. Justeru itu, adalah tidak begitu adil, perbelanjaan sedemikian yang boleh dipotong telah dikurangkan. Tambahan lagi, mereka yang menerima pendidikan di seberang laut akan pulang ke tanahair berkhidmat untuk negara ini. Jadi, perbelanjaan ke atas pendidikan mereka di seberang laut bolehlah dianggap sebahagian daripada perbelanjaan ke atas pembangunan sumber-sumber manusia yang begitu menguntungkan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga adalah berkaitan dengan rebat untuk keluarga-keluarga miskin yang dipertingkatkan bagi maksud cukai pendapatan. Saya memang menyokong peruntukan ini. Ini adalah kerana dengan adanya peruntukan ini, sistem cukai pendapatan yang ada di Malaysia akan dijadikan lebih progresif lagi. Dan dengan adanya cukai pendapatan yang lebih progresif, maka pengagihan pendapatan yang lebih setara, akan dapat dicapai. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Barisan Nasional hendak mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih saksama dan adil. Salah satu

daripada ciri, masyarakat sedemikian rupa ialah pengagihan pendapatan yang lebih setara dan saya yakin dengan adanya peningkatan dalam rebat sedemikian, matlamat ini akan dapat dicapai.

Pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh melupakan akan kesan ke atas usaha pelancaran daripada cukai pendapatan yang lebih progresif. Sebenarnya, ada konflik di sini. Pada masa kita mahu mencapai sebuah masyarakat yang lebih setara, kita perlu mengadakan satu sistem cukai pendapatan yang lebih progresif. Tetapi sistem cukai pendapatan yang lebih progresif pada masa yang sama, boleh menimbulkan kesan sampingan iaitu mempunyai satu kesan tidak menggalakkan usaha yang lebih dan ini mungkin akan merugikan negara ini juga. Jadi, saya berharap Kementerian Kewangan akan mengadakan satu dasar di mana kedua-dua matlamat ini dapat diseimbangkan, di mana pada masa kita mahu mencapai sebuah masyarakat yang setara, kita tidak terlampau membebankan mereka yang membayar cukai pendapatan supaya tidak menggalakkan mereka lebih berusaha. Memang Kerajaan sedar perkara ini dan Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu seperti memotong kadar cukai pendapatan tetapi ini hanya untuk syarikat sahaja. Saya ingin tahu sama ada kemudahan ini akan diperluaskan sehingga meliputi orang perseorangan. Maksud saya, adakah Kerajaan bercadang mengurangkan kadar cukai pendapatan untuk orang perseorangan?

Sudah hilang. Maaf saya, Tuan Yang di-Pertua, saya kehilangan nota-nota saya. **[Ketawa]** Jadi, saya rasa itu sahajalah **[Ketawa]** apa yang saya ingin bantangkan berkenaan dengan Akta Cukai

Pendapatan.. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi

Timbalan Yang di-Pertua: Ada jumpa nota, Yang Berhormat?

Dr. Toh Kin Woon: Ini berkenaan dengan kenaikan dalam caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang sekarang boleh dikecualikan daripada dikenakan cukai pendapatan. Saya memang menyokong langkah ini sebab ini akan menggalakkan tabungan yang lebih. Dengan adanya tabungan yang lebih, tabungan yang dipaksa, bukan tabungan sukarela, maka kadar tabungan sebagai sebahagian daripada Keluaran Dalam Negara Kasar akan meningkat dan ini seterusnya akan mempertingkatkan lagi sumber-sumber kewangan yang ada bagi membiayai pembangunan negara **ini**. Memang adanya korelasi ataupun kaitan antara kadar tabungan dan kadar pelaburan. Lebih tinggi kadar tabungan, lebih tinggi kadar pelaburan. Jadi, dengah adanya kadar tabungan yang lebih tinggi lantaran daripada menggalakkan kedua-dua pihak majikan dan pekerja membuat caruman yang lebih kepada EPF, kadar pelaburan turut meningkat. Bukan itu sahaja, kadar pelaburan yang lebih tinggi, kini dibiayai tanpa perlu membuat pinjaman yang besar dan ini adalah menguntungkan negara. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

5.36 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Teriraa kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta untuk membahas dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Kewangan No. (2) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahas dan menyokong Rang Undang-undang ini, saya akan menyentuh beberapa Fasal iaitu Fasal 2, Fasal 3, Fasal 4, Fasal 7, Fasal 8, Fasal 14 dan juga Fasal 15.

Timbalan Yang di-Pertua: Banyak fasal itu, ya. [Ketawa]

Tuan Rahim bin Baba: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, pertamanya perkara yang kedua iaitu Fasal 4 telah pun dinyatakan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja juga dimasukkan di dalam "approved scherae" untuk dikecualikan terhadap cukai. Saya ingin mencadangkan dan ingin memberi pandangan kepada Kementerian Kewangan. Kita tahu bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, tujuannya ialah untuk bekal pada masa tua. Tetapi pada masa yang sama juga, ianya merupakan sebagai satu simpanan kepada pekerja-pekerja yang mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini. Telah pun banyak kali cadangan-cadangan dibuat untuk membolehkan mereka yang mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini mengeluarkan sebahagian daripada simpanannya, umpamanya untuk pergi ke Mekah ataupun untuk tujuan pendidikan ataupun untuk membeli Amanah Saham Bumiputera, Amanah Saham Nasional ataupun sebagainya. Saya ingin mencadangkan supaya - mungkin cadangan-cadangan ini tidak dapat diterima oleh pihak Kerajaan saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan mengizinkan pencarum-pencarum mengeluarkan sebahagian daripada faedah tahunan yang diperolehi daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini. Kerana

katah seorang pekerja mempunyai simpanan sebanyak RM10,000 dan dengan kadar pulangan sebanyak 8% sekarang ini, ianya boleh mendapat RM800. Saya percaya pihak Kerajaan tidak keberatan membenarkan sebahagian daripada RM800 ini, sekurang-kurangnya 50% dikeluarkan, seumpamanya RM400 dikeluarkan untuk membantu pekerja-pekerja ini menolong anak-anak yang masih bersekolah ataupun untuk tujuan-tujuan yang lain.

Pada masa yang sama juga, saya dapati kadar faedah yang diberikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini, saya fikir, telah pun agak lama. Hanya pada kadar 7% hingga 8%; Saya ingin mencadangkan supaya, oleh kerana ini merupakan satu simpanan yang berpanjang iaitu kalau seorang pekerja itu pada peringkat umur 25 tahun sampai ke umur 55 tahun, bermakna Kerajaan dapat menggunakan kewangan ini untuk tempoh 30 tahun. Kalau kita simpan di bank pun untuk jangka masa setahun ataupun dua tahun, kita akan dapat 7% atau 8%. Saya ingin mencadangkan supaya diadakan satu formula bagaimana kadar faedah patut dibayar kepada pencarum-pencarum Kurapulan Wang Simpanan Pekerja supaya ianya bersesuaian dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank-bank kepada Simpanan-simpanan Tetap.

Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan memikirkan untuk menaikkan lagi kadar faedah 8% sekarang ini kepada katakan 10% ataupun 11% untuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, iaitu mengenai Fasal 5. Kita memang mengalu-alukan hasrat Kerajaan untuk menambahkan rebat kepada individu yang berpendapatan rendah untuk diri sendiri, daripada RM60 kepada RM90 dan rebat yang dibenarkan kepada isteri ditambah daripada RM30 kepada RM50. Sebenarnya saya telah pun diminta oleh dua-tiga orang kawan dalam Dewan ini untuk bertanyakan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bagaimana kedudukan mereka yang mempunyai isteri lebih daripada satu. Adakah rebat akan dinaikkan kepada RM100, kalau dualah; kalau tiga, bermakna RM150 dan kalau empat maknanya RM200. Macam itu, Datuk Haji Ahmad, ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat nantilah, kemudian Setiausaha Parlimen akan menjawab.

Tuan Rahim bin Baba: Ya. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat iaitu Fasal 6(a) iaitu mengenai perpustakaan yang diberikan peruntukan kemudahan perpustakaan yang membenarkan potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan untuk kemudahan perpustakaan awam, perpustakaan di sekolah dan juga institusi pendidikan tinggi. Rebate ini memanglah dialu-alukan kerana ianya boleh menggalakkan rakyat menjadi mereka yang suka membaca. Saya juga ingin mencadangkan kerana dalam soal menubuhkan perpustakaan ini terdapat juga ibu bapa yang menubuhkan perpustakaan sendiri di rumah. Saya ingin

mencadangkan supaya Kerajaan juga memberikan potongan perbelanjaan yang dilakukan bagi ibu bapa yang menubuhkan perpustakaan sendiri di rumah, umpamanya diberikan potongan ataupun peruntukan. diizinkan memberikan perbelanjaan sebanyak RM500 setahun dengan mengeluarkan resit-resit untuk buku-buku yang dibeli untuk perpustakaan di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketujuh, iaitu Fasal 10(b) dan 10(c) di mana Fasal ini bertujuan untuk menambahkan relief sumbangan kepada kumpulan wang simpanan yang diluluskan iaitu sekarang ini daripada RM3,500 kepada RM5,000. Sekarang ini kumpulan kewangan yang diluluskan ialah bagi caruman kepada KWSP dan juga bagi insurans. Saya ingin mencadangkan kepada umat Islam yang ramai mencarum secara bulanan untuk menunaikan fardu haji, sumbangan juga diluluskan bagi caruman kepada Lembaga Urusan dari Tabung Haji. Soal jumlah RM5,000 itu biarlah tetap kepada jumlah itu, tetapi diizinkan juga sebarang caruman yang dibuat kepada Lembaga Urusan, dan Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kelapan, Fasal 12, iaitu mengenai takrif 'venture capital company' di mana sepertimana yang telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, peraturan yang ada sekarang ini terlalu rigid' kerana kesemua 100% modal di dalam 'venture capital' itu hendaklah digunakan untuk perniagaan di dalam syarikat itu. Walaupun diberikan kelonggaran sebanyak 30% daripada kumpulan wangnya dalam pelaburan-pelaburan lain, saya berharap tujuan asal penubuhan 'venture capital company' ini tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tertentu yang menggunakan kewangan daripada 'venture capital' ini untuk disalurkan kepada pelaburan-pelaburan yang lain, khasnya setengah-setengah syarikat

kemungkinannya menggunakan pelaburan kewangan ini untuk pelaburan di dalam pasaran saham ataupun sebagainya, kerana penubuhan 'venture capital company' ini adalah suatu yang istimewa dan kita harapkan ianya tidak akan disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya ialah perkara yang kelima belas, Fasal 28, di mana pengecualian diberikan kepada penulis dan juga kepada artis sebanyak RM20,000 daripada pendapatan, dan juga kepada penterjemah dan penggubah muzik sebanyak RM12,000. Saya cuma ingin bertanya, jika belum dilaksanakan, saya berharap pengecualian juga akan diberikan kepada ahli-ahli sukan yang mendapat imbuhan ataupun pendapatan daripada kegiatan sukan. Saya harap mereka juga akan diberikan pengecualian seperti penulis, artis dan penggubah-penggubah muzik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang Kewangan (No,2) 1993.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji Ahmad ada hendak berucap? Tak ada, ya. Jadi, saya menjemput Setiausaha Parlimen menjawab, dipersilakan.

5.45 ptg.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertuai, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr Toh Kin Woon dan Yang Berhormat Tuan Rahim Baba kerana mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Dr Toh Kin Woon membangkitkan tiga perkara. Yang pertama, beliau menyarankan agar sumbangan kepada perpustakaan yang dibenarkan iaitu sebanyak RM100,000 dilanjutkan juga kepada

institusi swasta, bukan sahaja sekolah-sekolah swasta tetapi juga institusi pengajian tinggi swasta. Dalam hubungan ini, saya ingin memaklumkan bahawa memang di bawah peruntukan ini kemudahan-kemudahan di sekolah atau di Institusi pengajian tinggi, termasuk swasta yang dibuka kepada orang ramai adalah, diberi potongan. Yang, penting dalam konteks ini, perpustakaan tersebut hendaklah dibuka kepada orang ramai. Jadi, saranan Yang Berhormat Tuan Rahim Baba agar perpustakaan di rumah juga layak menerima potongan RM100,000 tidak dapat dipertimbangkan kerana perkara utama yang ditekankan ialah perpustakaan tersebut hendaklah dibuka kepada orang ramai. Tidak semestinya perpustakaan itu di sekolah Kerajaan, tetapi sekolah dan institusi pengajian tinggi swasta juga, layak menerima; kalau sumbangannya RM100,000, maka layak mendapat potongan daripada cukai pendapatan.

Yang keduanya, Yang Berhormat Dr Toh Kin Woon menyuarakan pendapatan bahawa angka ataupun jumlah RM100,000 adalah terlalu kecil. Pada pandangan Kerajaan ini adalah satu 'gesture', dengan izin, satu langkah awal yang membanggakan kita semua, kerana tidak pernah lagi dalam negara kita di mana langkah sebegini diambil. Dalam usaha kita hendak menggalakkan budaya ilmu, maka inilah antara langkah-langkah yang diambil, selain daripada menaikkan pengurangan cukai bagi penterjemah dan juga bagi penulis buku kepada RM20,000 yang dinyatakan tadi, dan RM12,000 kepada penterjemah. Maka dengan adanya pelepasan cukai, sumbangan kepada perpustakaan ini, kita harap akan dapat, membantu usaha ke arah meningkatkan budaya ilmu dinegara kita. Jadi, amaunnya walaupun nampak kecil tetapi penuh makna.

Kita percaya ia akan dapat memberi sumbangan besar kepada negara, khususnya di bidang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua, Yang Berhormat Dr Toh Kin Woon bercakap tentang potongan empat kali ganda yang kini kita berikan kepada penuntut-penuntut di institusi pengajian tinggi dalam negeri. Sebelum ini, yang mendapat potongan empat kali ganda ialah bagi penuntut-penuntut di luar negara. Melalui Belanjawan ini, kita kurangkan potongan bagi penuntut di luar negara kepada dua kali ganda potongan biasa, iaitu setakat RM1,600 dan kita tingkatkan potongan bagi mereka yang belajar dalam negara kepada empat kali ganda, iaitu sehingga RM3,200.

Yang Berhormat Dr Toh Kin Woon menyatakan, antara lain, bahawa keupayaan dalam negara tidak memadai dan ada di kalangan penuntut-penuntut yang dipaksa oleh keadaan untuk ke luar negara. Oleh hal yang demikian, beliau agak kurang puas hati dengan langkah Kerajaan. Pada pandangan Kerajaan adalah perlu langkah awal diambil dengan izin, there has got to be a beginning somewhere. Perlu ada langkah awal. Dan dengan adanya langkah awal ini, maka kita percaya akan mampu menggalakkan penuntut-penuntut kita untuk belajar dalam negara dan menjadikan negara Malaysia sebagai pusat pendidikan di rantau ini. Kita percaya langkah ini akan mempunyai kesan yang besar dalam usaha kita untuk mengurangkan pengaliran wang keluar daripada negara yang dianggarkan berjumlah kira-kira RM2,000 juta setahun berkaitan dengan penuntut-penuntut kita, yang besar jumlahnya yang menuntut di luar negara.

Seterusnya, Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon ada membangkitkan mengenai progressive tax. Mengikut beliau ini tidak menggalakkan orang berusaha. Ingin ditekankan bahawa cukai dalam negara kita ini tidaklah terlalu progresif. Satu masa dahulu memang cukai yang dikenakan amat tinggi iaitu lebih 40% ke atas individu dan juga syarikat, tetapi pada hari ini cukai semakin hari semakin dikurangkan. Jadi, cukai di dalam negara kita tidaklah progresif sehingga tidak menggalakkan orang bekerja. Oleh hal yang demikian, kita berpendapat bahawa dengan adanya langkah menaikkan rebat daripada RM60 kepada RM90, RM30 kepada RM50 ini ia tidak akan menjejaskan 'work effort' ataupun keinginan hendak bekerja. Sama ada penurunan cukai daripada 34% kepada 32% meliputi individu, Kerajaan pada masa ini tidak ada rancangan hendak menurunkannya sama tahap kepada yang dinikmati oleh syarikat-syarikat.

Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon juga bercakap mengenai kenaikan dalam sumbangan KWSP (EPF) yang layak ditolak daripada cukai daripada pendapatan lapisan syarikat. Ini bertujuan untuk meningkatkan tabungannya.

Sepertimana kita sedia maklum, akhir-akhir ini, setahun dua ini, tabungan negara sudah meningkat hampir 35% dan kita berharap dengan langkah yang diambil untuk menambahkan sumbangan yang layak ditolak daripada pendapatan lapisan 5% kepada 16% ini akan

menambahkan lagi tabungan negara. Itulah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon.

Sekarang saya ingin menjawab sedikit-sebanyak persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba. Yang pertama, berkaitan dengan pendapatan yang boleh dipotong daripada pendapatan bercukai. Berikutan Belanjawan ini seorang pembayar cukai boleh menolak RM5,000 bagi sumbangan KWSP dan insurans yang sebelum ini RM3.500. Melalui langkah Belanjawan ini kita menambahkan pendapatan yang boleh dipotong daripada pendapatan bercukai kepada RM5,000. Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba menyarankan agar sumbangan kepada Tabung Haji untuk ke Mekah juga boleh diambil kira dalam RM5,000 itu.

Kerajaan pada masa ini tidak mempunyai cadangan untuk memasukkan atau mengambil kira sumbangan potongan yang kita buat setiap bulan untuk ke Mekah yang menjadikannya layak untuk dipotong daripada cukai pendapatan.

Yang keduanya, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba menyatakan bahawa kadar keuntungan dividen 8% yang diberikah oleh KWSP itu terlalu rendah berbanding dengan kadar-kadar tixed deposit. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebenarnya kadar-kadar fixed deposit dalam negara kita pada hari ini tidaklah begitu tinggi. Kadar pulangan dividen 8% yang diisytiharkan oleh KWSP adalah agak tinggi berbanding dengan kadar-kadar fixed deposit

yang terdapat di institusi kewangan. Memang kadar 8% rendah jika dibandingkan dengan dividen dan, bonus sebanyak 13.5% yang dibayar kepada pelabur-pelabur dalam ASB. Dalam pada itu kita ingin menekankan bahawa kadar pulangan KWSP adalah berkait rapat dengan pulangan daripada pelaburan KWSP. KWSP melaburkan wangnya kebanyakannya dalam surat-surat jaminan Kerajaan, di mana kadar pulangannya adalah dalam lingkungan 7%-8%. Oleh kerana pulangan daripada pelaburan KWSP tidak begitu tinggi maka amatlah sukar bagi KWSP untuk membayar lebih daripada yang termampu olehnya. Pada masa ini dividen yang diisytiharkan oleh KWSP ialah 8%.

Mengenai pelepasan ataupun rebat isteri yang dinaikkan daripada RM30 kepada RM50, sama ada boleh dituntut untuk isteri yang lebih daripada seorang. Yang layak hanya seorang isteri, bukan empat ya, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Saya telah menjawab mengenai perpustakaan di rumah di mana ianya tidak layak mendapat potongan yang diumumkan oleh Kerajaan dalam Belanjawan. Itulah antara perkara-perkara utama yang dibangkitkan.

Akhirnya berkaitan dengan hadiah yang diperolehi oleh ahli-ahli sukan, memang dikecualikan daripada cukai pendapatan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Toh Kin Woon dan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba. Sekian, terima kasih.

Timbalan, Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.57 ptg.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibaca kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Izinkan saya memberi sedikit penjelasan mengenai perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Akta Kastam 1967 ialah undang-undang yang mentadbir dan mengawal pungutan cukai kastam di mana pelaksanaan Akta ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja.

Tujuan utama Akta ini ialah untuk, memungut hasil untuk Kerajaan dan dalam pelaksanaan fungsi ini Akta tersebut mengenakan kawalan-kawalan tertentu dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Oleh itu, adalah penting supaya peruntukan-peruntukan Akta ini dipinda dari semasa ke semasa untuk melaksanakan langkah-langkah terbaru yang diperkenalkan bagi maksud memudahkan pelaksanaan kegiatan perdagangan an perindustrian serta untuk mengatasi apa-apa kelemahan yang terdapat di dalamnya.

Justeru itu, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja telah merancang serta mengambil langkah ke arah mewujudkan perhubungan di antara Sistem Maklumat Kastam dengan Rangkaian Pertukaran Data Elektronik. Dalam hal ini, untuk membolehkan urusan di bawah Akta Kastam 1967 dikendalikan melalui perhubungan komputer kelak, maka Akta ini perlulah dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 bertujuan untuk meminda Seksyen 2 Akta Kastam 1967 untuk memasukkan takrif perkataan-perkataan "dokumen", "komputer" dan "pertukaran data elektronik". Takrif ini diperlukan kerana ianya merupakan perkara asas yang digunakan dalam pelaksanaan ADS/EDI.

Fasal 6 pula bertujuan meminda proviso kepada seksyen 145 Akta Kastam 1967 untuk membolehkan borang-borang yang dikemukakan melalui sistem pertukaran data elektronik digunakan dalam urusan-urusan di bawah Akta tersebut.

Akta Duti Tambalbalas dan Anti-Lambakan 1993 telah pun diluluskan oleh Parlimen dan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja telah dipertanggungjawabkan untuk memungut duti tersebut. Sehubungan dengan itu, Fasal 2 bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai Kastam untuk memungut duti tersebut. Di bawah Fasal ini, takrif "customs duty" di bawah seksyen 2 Akta Kastam 1967 dipinda untuk mentakrifkan juga duti timbalbalas dan duti anti lambakan sebagai salah satu komponen customs duty.

Untuk memudahkan penetapan amaun duti timbal balas atau pun duti anti-lambakan oleh mahkamah dalam satu kes yang didengar mengenainya, maka Fasal 5 bertujuan memasukkan seksyen baru 122C untuk mengadakan peruntukan bagi membolehkan perakuan yang ditandatangani, oleh Ketua Pengarah mengenai amaun Juti timbal balas atau anti-lambakan yang kena dibayar sebagai bukti mencukupi bagi tujuan mahkamah. Pada masa ini, tarik balik duti diperuntukkan di bawah seksyen 93 dan seksyen 99 Akta Kastam 1967. Di bawah seksyen 93, tarik balik duti dibenarkan bagi barang-barang import yang kemudian dieksport semula dalam bentuk asalnya.

Di bawah seksyen 99 pula, tarik balik duti dibenarkan bagi bahan mentah import yang digunakan dalam pengilangan. Di bawah peruntukan semasa, terdapat masalah untuk menuntut tarik balik duti berkaitan barang-barang yang dibekalkan ke kedai bebas cukai atau pun gudang pengilangan berlesen. Semasa barang tersebut dibekalkan, tarik balik tidak boleh dituntut oleh pembekalnya atas duti import yang telah dibayar kerana barang itu masih belum dieksport. Bagi barang-barang yang dibekalkan ke kedai bebas cukai, tarik balik hanya dapat dituntut apabila barang-barang ini dibeli dan dibawa keluar oleh pelancong-pelancong.

Mengenai bahan mentah yang dibekalkan ke gudang pengilangan berlesen pula, tarik balik dapat dituntut apabila bahan-bahan berkenaan diperkilangkan untuk dijadikan barang siap dan seterusnya dieksport. Memandangkan pengeksportan ini dibuat oleh operator kedai bebas cukai ataupun pengilang, mengikut peruntukan semasa, mereka adalah layak menuntut tarik balik itu kerana pengeksportan

sebenarnya dilakukan oleh mereka, walaupun duti import ke atas barang tersebut dahulunya dibayar oleh pembekal. Dengan itu, disebabkan masalah teknik ini, seorang pembekal tidak boleh menuntut tarik balik ke atas duti import yang telah dibayar olehnya jika barang-barang itu dibekalkan terus kepada kedai bebas cukai atau pun gudang pengilangan berlesen.

Untuk mengatasi masalah ini, Fasal 3 bertujuan meminda Akta Kastam 1967 untuk memasukkan peruntukan baru ke dalamnya, iaitu seksyen 92A bagi tujuan mentakrifkan pergerakan barang-barang ke dalam kedai bebas cukai ataupun gudang pengilangan berlesen sebagai "eksport semula", atau "re-export". Dengan pentakrifan ini, maka seorang yang membekalkan barang-barang yang telah dibayar duti kepada kedai bebas cukai ataupun gudang pengilangan berlesen akan dibolehkan menuntut tarik balik duti yang telah dibayar olehnya atas barang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini juga, seksyen 99 Akta tersebut hanya membenarkan tarik balik duti diberi ke atas bahan mentah yang telah dijadikan barang siap melalui pengilangan, tetapi tidak membenarkan juga tarik balik diberi ke atas bahan mentah yang menjadi sisa pengilangan. Ini adalah tidak wajar memandangkan duti import juga telah dibayar atas bahan sisa ini. Dengan itu, Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 99 Akta Kastam 1967 untuk membolehkan tarik balik juga diberi ke atas bahan sisa pengilangan.

Pindaan ini dicadangkan melalui satu peruntukan baru, iaitu di bawah subseksyen (1A) kepada seksyen ini. Selain dari itu, subseksyen (2) kepada seksyen 99 ini juga perlu dipinda bagi maksud

pembetulan di mana perkataan. "manufacture" digantikan dengan perkataan "manufacturer".

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan apa-apa perbelanjaan tambahan kepada Kerajaan,

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan. Jadi Menteri tidak payah menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 6 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 1993**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.08 ptg.**

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang, di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibaca kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Di sini saya mohon memberi sedikit penjelasan mengenai perkara pindaan yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini pendek dan ringkas sahaja. Seperti mana yang telah diterangkan dalam ucapan saya bagi pindaan Akta Kastam, pindaan kepada Akta Eksais juga perlu dibuat bagi mengambil kira pelaksanaan sistem pertukaran data elektronik.

Fasal 2 bertujuan meminda subseksyen 2(1) Akta untuk memasukkan takrif perkataan-perkataan "dokumen", "komputer" dan "pertukaran data elektronik" dalam Akta tersebut.

Fasal 3 bertujuan meminda proviso kepada seksyen 48 Akta Eksais untuk membolehkan borang-borang yang dikemukakan melalui sistem pertukaran data elektronik digunakan dalam urusan-urusan di bawah Akta tersebut.

Rang Undang-undang ini tidak melibatkan apa-apa perbelanjaan tambahan bagi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Izim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Timbalan Yang di-Pertua:Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah suatu Akta untuk meminda Akta Eksais, 1976 dibacakan. kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Juga tiada perbahasan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan tanpa pindaan dibacakan kali yang Ketiga dah diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.12 ptg

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibacakan bagi kali yang kedua

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan sistem pertukaran data elektronik, pindaan-pindaan juga perlu dibuat kepada Akta Cukai Jualan selain daripada pindaan-pindaan kepada Akta Kastam dan Akta Eksais.

Fasal 2 bertujuan meminda Seksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif perkataan-perkataan "dokumen", "komputer" dan "pertukaran data elektronik" dalam Akta tersebut.

Seksyen 43 Akta Cukai Jualan 1972 ialah mengenai penetapan kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta tersebut. Dalam perenggan (g) seksyen ini adalah ditetapkan sebagai satu kesalahan sekiranya seseorang mengeluarkan inouis yang menunjukkan jumlah cukai yang berlawanan dengan kehendak subseksyen 17(3). Walau bagaimanapun, seksyen 17 Akta ini telah dipindah dalam tahun 1990 melalui Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1990 dengan menombor semula subseksyen 17(3) untuk menjadi subseksyen 17(2). Pada masa itu, subseksyen 43(g) yang merujuk kepada subseksyen 17 (3) telah tidak dipinda bersama. untuk mengambil kira pindaan tersebut. Dengan itu, Fasal 3 bertujuan meminda subseksyen 43(g) untuk menukar ungkapan "17(3)" di dalamnya kepada ungkapan "17(2)". Itu sahaja pindaan berkaitan yang terkandung dalam Fasal 2.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 pula bertujuan meminda seksyen 64 Akta untuk membolehkan perakuan audit ditandatangani oleh seorang akauntan awam. Mengikut seksyen 64 Akta Cukai Jualan 1972 Ketua Pengarah Kastam boleh menghendaki seorang pelesen mengemukakan **sijil** audit dan **sijil** ini bolehlah ditandatangani oleh mana-mana akauntan berkeelayakan. Walau bagaimanapun, adalah lebih wajar sekiranya kategori akauntan dibenarkan untuk menandatangani, sijil audit ini dihadkan kepada kategori tertentu sahaja untuk menjamin kualiti pengauditan yang dijalankan. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya **sijil** audit ini hanya dibenarkan untuk ditandatangani oleh seorang akauntan, awam sahaja. Ini adalah disebabkan bahawa akauntan awam adalah didaftarkan oleh Institut Akauntan Awam Malaysia yang mengawal kelakuan serta etika mereka. Bagi maksud **ini**, seksyen 64 Akta Cukai Jualan 1972 perlulah dipinda untuk mensyaratkan bahawa **sijil** audit hanya boleh ditandatangani oleh seorang akauntan awam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 bertujuan meminda proviso kepada seksyen 66 Akta untuk membolehkan borang-borang yang dikemukakan melalui sistem pertukaran data elektronik digunakan dalam urusan-urusan di bawah Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ~~mohon~~ mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis sekarang ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tiada perbahasan. Jadi, tiada jawapan yang diperlukan..

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 1993**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.18 ptg.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibaca bagi tali yang kedua

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah Rang-Undang-undang yang akhir pada hari ini daripada Kementerian Kewangan banyak sangat.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana ucapan saya bagi pindaan Akta Kastam, Akta Eksais dan Akta Cukai Jualan, pindaan kepada Akta Perkhidmatan juga perlu dibuat bagi mengambil kira pelaksanaan sistem pertukaran data elektronik.

Fasal 2 bertujuan meminda subseksyen 2 Akta untuk memasukkan takrif perkataan-perkataan "dokumen", "komputer" dan "pertukaran data elektronik" dalam Akta tersebut.

Fasal 3 bertujuan meminda proviso kepada seksyen 49 Akta untuk membolehkan borang-borang yang dikemukakan melalui sistem pertukaran data elektronik digunakan dalam urusan-urusan di bawah Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, saya mohon mencadangkan.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak ada perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa,

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa..

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN (PINDAAN) 1993**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.20 ptg.**

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1993 bagi bacaan kali yang kedua

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Pengangkutan Jalan 1987 mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1988, dan ianya menggantikan Ordinan lalulintas Jalan 1958. Akta ini telah dipinda kali pertamanya pada pertengahan tahun 1989 untuk mengelakkan keraguan yang berlaku dalam beberapa tafsiran di bawah Akta tersebut. Semenjak dari itu, beberapa perkembangan baru telah berlaku, seperti perisytiharan beberapa bandar sebagai bandaraya, dan dalam pada itu, beberapa kelemahan atau loopholes, dengan izin, telah dikenalpasti dalam Akta tersebut yang memerlukan pindaan;

Pindaan-pindaan dan peruntukan-peruntukan baru yang dicadangkan meliputi 34 seksyen dalam Akta tersebut. Perkara-perkara utama yang terlibat dalam cadangan pindaan atau tambahan peruntukan adalah seperti berikut:

Kuasa Datuk Bandar sesuatu Bandaraya

Pada tahun 1987, hanya terdapat sebuah bandaraya di Malaysia iaitu Bandaraya Kuala Lumpur. Semenjak daripada itu, beberapa bandaraya baru diisytiharkan. Dengan demikian, pindaan wajar dibuat kepada Akta dengan memasukkan seksyen 3A untuk meniberikan kuasa kepada Menteri Pengangkutan bagi membenarkan mana-mana Datuk Bandar menjalankan kuasa-kuasa sama seperti yang diperuntukkan kepada Datuk Bandar: Kuala Lumpur.

Tanggungjawab Pemandu

Tafsiran "pemandu" adalah dipinda untuk merangkumi pemandu-pemandu kenderaan yang tidak bergerak atau berhenti, dan meliputi juga orang yang pada masa itu bertanggungjawab memandu kenderaan motor berkenaan meskipun dia tidak berada dalam kenderaan yang berhenti tersebut. Tafsiran yang sedia ada dalam Akta 1987 hanya terpakai dalam keadaan di mana sesuatu kenderaan motor sedang dipandu oleh seseorang pemandu. Dalam hubungan ini, seksyen 48 adalah dipinda untuk menjadikan sebagai satu kesalahan bagi pemandu yang menggalang atau obstruct, dengan izin, lalu lintas.

Klasifikasi Kenderaan Orang-orang Cacat

Seksyen 5 adalah dipinda untuk memperluaskan tafsiran; kenderaan orang cacat supaya meliputi kenderaan-kenderaan biasa yang diubahsuai untuk kegunaan

seseorang yang cacat. Dengan pindaan ini, maka motosikal yang diubahsuai untuk kegunaan orang cacat boleh dimasukkan dan ditafsirkan sebagai kenderaan orang cacat dan bukannya kenderaan motosikal biasa. Dengan demikian, kadar lesen kenderaan motor (LKM) atau cukai jalan untuk motosikal yang diubahsuai itu, dikurangkan ke kadar yang 'nominal' sahaja bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh orang-orang cacat.

Penukaran Chasis dan Nombor Kenderaan

Seksyen baru 12(2A) adalah diwujudkan untuk melarang mana-mana orang daripada menukar casis sesebuah kenderaan motor tanpa kelulusan Ketua Pengarah-Jabatan Pengangkutan Jalan terlebih dahulu. Di samping itu, seksyen 17(1)(b) dipinda untuk memberi kuasa kepada Pengarah JPJ Negeri menolak pengeluaran sesuatu LKM jika butir-butir pengenalan kenderaan motor itu tidak terang atau telah diusik. Butir-butir pengenalan kenderaan yang dimaksudkan ini termasuk nombor enjin dan casis.

Seksyen 66(1)(m) juga dipinda bagi mengawalselia pembatalan pendaftaran sesuatu kenderaan yang nombor casisnya telah diusik. Tafsiran "tanda" juga dimasukkan di bawah seksyen 108(6) untuk meliputi nombor enjin dan casis kenderaan motor. Semua peruntukan tambahan dan pindaan ini adalah bertujuan

untuk mengelakan pencuri-pencuri kenderaan menukar casis dan nombornya supaya sukar dikesan oleh pihak-berkuasa.

Kesalahan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 yang belum selesai

Pindaan juga dicadangkan kepada seksyen 17(1)(d) bagi membolehkan Pengarah JPJ mempunyai kuasa untuk tidak mengeluarkan lesen kenderaan motor jika pemunya kenderaan itu mempunyai sesuatu perkara atau hal yang belum selesai berkenaan dengan pelanggaran atau kesalahan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

Pameran Lesen Kenderaan Motor

Seksyen 20 adalah dipinda bagi mengecualikan pemunya motosikal atau kenderaan orang cacat daripada mematuhi kehendak undang-undang untuk meletak dan mempamerkan lesen kenderaan motor. Ini adalah kerana lesen yang dipamerkan di motosikal mudah dicuri dan boleh digunakan oleh orang-orang lain yang tidak bertanggungjawab.

Penggantungan Lesen Memandu Seseorang Penagih Dadah -

Keseluruhan seksyen 36 yang sedia ada dicadangkan untuk diganti dengan seksyen 36 yang baru. Di bawah peruntukan baru, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan diberi kuasa untuk menggantung bagi satu tempoh yang tidak melebihi 2 tahun lesen seseorang yang

disyaki sebagai penagih dadah. Peruntukan baru ini juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menarik balik kelayakan memegang atau mendapatkan lesen memandu jika seorang penagih dadah terus kekal sebagai penagih. Walau bagaimanapun, sekiranya Ketua Pengarah berkeyakinan bahawa seseorang itu bukan lagi seorang penagih dadah maka ia boleh mendapatkan kembali lesennya.

Di samping itu, peraturan untuk menarik balik dan menggantung lesen dinyatakan juga dalam seksyen ini. Berikutan dengan pindaan ini, beberapa pindaan consequential, dengan izin, juga dibuat dalam seksyen 37.

Penguatkuasaan Terhadap Pemandu Mabuk

Beberapa seksyen baru iaitu seksyen 45A hingga seksyen 45G dicadang untuk mengadakan peruntukan bagi menjalankan ujian nafas, darah ataupun air kencing berkenaan dengan seseorang pemandu yang disyaki memandu ataupun menjaga kenderaan semasa di bawah pengaruh minuman yang memabukkan. Seksyen-seksyen baru ini akan memberi kuasa kepada pihak Polis untuk mewajibkan seseorang yang disyaki supaya menjalani ujian pernafasan bagi menentukan sama ada beliau melanggar had kandungan alkohol dalam aliran darah, air kencing atau nafas, dan had kandungan alkohol yang ditetapkan adalah ditafsirkan seperti berikut:-

- (a) 35 mikrogram alkohol *di* dalam 100 mililiter nafas;
- (b) 80 miligram alkohol di dalam 100 mililiter darah;
- (c) 107 miligram alkohol di dalam 100 mililiter air kencing;

Seksyen 66 juga dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri Pengangkutan membuat kaedah tentang penggunaan alat pengujian nafas.

Mengawal Operasi Pengusaha Trak Tunda -

Seksyen 66 adalah juga dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri Pengangkutan bagi membuat kaedah bagi mengawalselia dan mengawal operasi pengusaha trak tunda. Pindaan ini bertujuan menetapkan antara lain, cara-cara yang perlu digunakan semasa menunda sesebuah kenderaan supaya selamat serta menetapkan kadar bayaran maksimum yang boleh dikenakan. Ini akan membantu -membanteras kegiatan sebahagian daripada pengusaha trak tunda yang mengenakan bayaran yang tidak berpatutan terhadap pemilik kenderaan yang terlibat dalam sesuatu kemalangan di jalan raya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Paduka, saya ingat kita boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat:, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.